

NEGERI SEMBILAN: RANTAU MINANGKABAU DI SEMENANJUNG TANAH MELAYU

Rahilah Omar dan Nelmawarni

ABSTRACT

For a long time, the people of Minangkabaus have had strong inclination to leave their original village in search of new settlement besides seeking wealth. In the Minangkabau culture, this practice of leaving one's home is known as merantau. This practice has caused a strong influence in terms of history, blood ties and cultural linkages especially between the Kingdom of Pagaruyung of Sumatra and Negeri Sembilan and in general the Minangkabaus. The existence of Negeri Sembilan began with the coming of the Minangkabaus perantau to the place. They explored the area and built settlements within these localities. Their roles as pioneer settlers and setting new localities are seen as one of the important aspects in the history of Negeri Sembilan. The Minangkabaus perantau did not only struggle to achieve a better living but had also successfully established a kingdom and instilled the Adat Papatih as the cultural basis of Negeri Sembilan.

Key words: *the people of Minangkabaus, Minangkabau, the history of Negeri Sembilan.*

Rahilah Bt. Omar (Ph.D) adalah seorang Pensyarah di Jabatan Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Lahir pada tanggal 8 Maret 1961. Memperoleh Bachelor of Arts in History, dari University Kebangsaan Malaysia (1992); Master of Arts in History, "*The Regicide Of Sultan Mahmud III And The Claim Of Raja Kecil For The Throne Of Johore, 1718*" – University Of Hull, England (1996); dan Ph.D. in History (South Sulawesi, Indonesia) dengan judul disertasi "*The History Of Boné, A.D. 1775 - 1795: The Diary Of Sultan Ahmad As-Salleh Syamsuddin*" – University Of Hull, England. (2003). Untuk kepentingan akademis, penulis dapat dihubungi melalui Pusat Pengajian Sejarah, Politik Dan Strategi Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan. E-Mail: Rahilah@Ukm.My.

Nelmawarni S.Ag. M.Hum. adalah seorang pensyarah/dosen di IAIN, Imam Bonjol, Padang Sumatera Barat. Lahir di Pesisir Selatan (Sumbar) tanggal 15 Juni 1971. Memperoleh S1, dari Fakultas Adab Jurusan Sejarah dan Kebudayaan Islam, IAIN Imam Bonjol Lubuk Lintah Padang, Sumbar (1995); S2 Jurusan Sejarah, dari Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta (2002). Sekarang penulis sedang menyelesaikan pengajian Doktor Falsafah di PPSPS, Universiti Kebangsaan Malaysia. Unruk kepentingan akademis, penulis dapat dihubungi melalui E-mail: nel_bungo@yahoo.com

Pengenalan

Orang Minangkabau merupakan salah satu daripada etnik melayu Indonesia yang mempunyai intensiti yang kuat terhadap merantau. Jika dilihat berdasarkan *Volkstelling* 1930, suku Minangkabau mempunyai intensiti merantau terbesar keempat, sesudah Bawean, Batak, dan Banjar.¹ Merantau juga bukanlah semata-mata satu akibat proses pembedaan yang baru berlaku dalam masyarakat Minangkabau, malah telah berakar umbi dalam sejarah mereka, sehingga banyak mitos dan legenda tempatan yang menceritakan peneroka-peneroka Minangkabau pada zaman lampau ditemui di beberapa tempat tidak sahaja di Sumatera, bahkan juga di luar pulau Sumatera. Misalnya di Sumatera, tempat-tempat penempatan adalah seperti di Tapak Tuan dan di Meulaboh di Aceh Barat (Szekeley-Lulofs, M.H, 1954: 7-8) di Siak Sri Indrapura (Effendy T dan Effendy, N., 1972), dan di Muara Takus (Schnitger, F.M, dan E.J.Brill, Leiden, 1939: 39,41). Di Sumatera Tengah; di bahagian darat Riau yang bersempadan dengan Sumatera Barat, di Pangkalan Jambu di Jambi Barat, di Tungkal Ulu dan Jambi, di Jambi Timur; di Sekala Berak berhampiran dengan Tasik Ranau dan di penempatan Paminggir di Lampung (Kato, T., 1989: 5).

Di luar Sumatera, penempatan-penempatan Minangkabau terdapat di Kendari, Sulawesi Tengah; di Makasar, Sulawesi Selatan; di Kepulauan Sulu, Mindanao;² di Filipina;³ di Brunei;⁴ di Kuching, Sarawak;⁵ di Negeri Sembilan

¹ Peringkatnya adalah sebagai berikut: Bawean sebanyak 35,9% atau 16.406 dari 45.711 orang jumlah penduduk, Batak 15,3% atau 140.776 dari 919.462 orang jumlah penduduk, Banjar 14,2% atau 134.393 dari 944.235 orang jumlah penduduk, Minangkabau 11,0% atau 211.291 dari 1.928.322 orang jumlah penduduk, Bugis 10,5% atau 162.701 dari 1.543.035 orang jumlah penduduk. Sedangkan suku Jawa (meliputi Jawa, Sunda dan Madura) menempati intensiti yang lebih rendah iaitu 3,4% atau 1.364.896 dari 40.709.319 orang jumlah penduduk.

² Namun dari segi jumlah keseluruhan, orang Minangkabau mempunyai intensiti terbesar dari ketiga-tiga suku di atas, dan terbesar kedua sesudah orang Jawa. Lihat *Volkstelling*.1930. hal.179-180

³ Kira-kira antara tahun 1410 sampai 1415, telah sampai seorang bangsawan Minangkabau dari pesisir Pariaman ke kepulauan Sulu Mindanao, bernama Raja Beginda dengan pengiring-pengiringnya. Oleh kerana baik budinya, halus tutur bahasanya, dan taat mengerjakan agama, dia diterima menjadi menantu oleh raja di sana, dan kemudian langsung menjadi raja. Beliaulah yang menurunkan raja-raja kerajaan Sulu. Menurut satu catatan Filipina-Islam, Raja Beginda (*Rajo Bagindo*) datang ke sana pada tahun 1390.

⁴ Senator Alonto yang merupakan salah seorang kaum muslim Piliphina adalah keturunan Raja Baginda. Lihat Hamka. *Islam dan Adat Minangkabau*. Jakarta: Pustaka Panjimas.1985.hal.52

⁵ Di Brunei, terdapat tulisan dengan huruf Arab yang dipahatkan di batu nisan Sultan Brunei, Seri Sultan Tajuddin, yang mewasiatkan kepada orang besarnya Haji Khatib Abdul Latif, supaya menuliskan salasilah keturunannya,

termasuk Naning dan Melak⁶ dan lain-lain. Artikel ini akan coba membincangkan tentang rantau Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu khususnya Negeri Sembilan. Untuk itu perbincangan ini akan dimulakan dengan menjelaskan sepintas lalu kawasan Alam Minangkabau itu sendiri.

Alam Minangkabau

Minangkabau dewasa ini sering diidentikkan dengan Sumatera Barat. Padahal perkembangan sejarah Minangkabau menunjukkan bahawa daerah geografis Minangkabau tidak sama dengan daerah geografis Sumatera Barat sekarang. Wilayah Minangkabau yang disebut dengan *Alam Minangkabau* sebenarnya lebih luas daripada Sumatera Barat⁷, sebab Alam Minangkabau

agar diketahui oleh anak cucunya. Bunyi Salasilah keturunan itu adalah: "... Maka Seri Sultan Muhammad Tajuddin memerintahkan kepada Tuan Haji Kahtib Abdul Latif supaya menerangkan silsilah ini, agar diketahui anak cucu, raja yang mempunyai takhta kerajaan di Negeri Brunai Darus Salam turun-temurun, yang mengambil pusaka nobat negara dan genta alamat di negeri Johor Kamalul Maqam, yang mengambil pusaka nobat negara genta alamat dari Miknangkabau nagari Andalas, maka yang pertama kerajaan yang membawa agama Islam dan mengikut Syari'at Nabi Muhammad ialah Paduka Seri Sultan Muhammad dan saudaranya Sultan Ahmad. Ia mempunyai seorang puteri dari isterinya seorang saudara Raja Cina yang diambil dari Cina Batangan. Puteri inilah yang diambil oleh Syarif Ali yang datang dari negeri Thai di tanah Arab. Syarif Ali kemudian menaiki takhta kerajaan dengan nama Paduka Seri Sultan Barakat. Ialah yang menegakkan agama Islam". Hamka pernah datang ke Brunai dan menziarai kuburan ini pada 9 Oktober 1960. Lihat Hamka. *Islam dan Adat Minangkabau*. Jakarta: Pustaka Panjimas.1985.hal.52-53

⁶ Di antara pengiring-pengiring Datuk Baginda itu, terdapat pula beberapa orang datuk, yang setengahnya tinggal di Sarawak, setengahnya tinggal di Brunei, dan setengahnya meneruskan perjalanan ke Mindanao. Ketika Hamka menemui bangsawan-bangsawan Serawak pada bulan Oktober 1960, mereka dengan bangga menyatakan diri mereka adalah keturunan Minangkabau. Lihat Hamka. *Islam dan Adat Minangkabau*. Jakarta: Pustaka Panjimas. 1985.hal.53

⁷ Di antara tulisan-tulisan tentang orang Minangkabau di Negeri Sembilan, Naning dan Melaka adalah: Abas Hj. Ali. *Rembau Sejarah Perkembangan Adat dan Istiadatnya* Rembau: Jabatan Undang dan Perlembagaan adat istiadat Melayu Rembau.1953; Abdul Samad Idris. *Hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan dari Segi Sejarah dan Kebudayaan*. Seremban.1970; Cave, J. *Naning in Melaka*, Kuala Lumpur: Malaysian Branch Royal Asiatic Society. 1989; Hervey, D.F.A. Rembau. Dalam *JSBRAS*, Vol.XIII, 1884.hal.241-258; Josselin de Jong.P.E.de. *Minangkabau and Negeri Sembilan: Socio-Political structure in Indonesia*, Martinus Nijhoff-S-Gravenhage.1980. Khoo Kay Kim. "Negeri Sembilan sejarah Awal dan Sistem Politikny". Dalam Norazit Selat (ed). *Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.1990; Khoo Kay Kim. "Adat dan Perkembangan Politik: Pembangunan Masyarakat Negeri Sembilan". Dalam Samad Idris, A., Norhalim Hj Ibrahim, dll, (ed) *Adat Merentas Zaman* Seremban: Jawatan Kuasa Penyelidikan Budaya

difahamkan jauh lebih luas daripada batas-batas Sumatera Barat dewasa ini. Secara tradisinya kawasan-kawasan yang terletak di bawah pengaruh Minangkabau disebut Alam Minangkabau. Oleh itu Alam Minangkabau terdiri daripada kesatuan geografis, politik, ekonomi, dan kebudayaan, lazim disebut *darek*, *pesisir* dan *rantau*.

Darek ini secara tradisional terbahagi kepada tiga luhak, yang lazim disebut dengan *luhak nan tigo*. Dataran tinggi lembah-lembah puncak bukit Barisan, atau lembah dataran tinggi gunung Tandikat-Singgalang-Merapi, dikenal dengan istilah Minangkabau asli. Daerah ini adalah daerah asal Minangkabau dengan ibu kotanya Pariangan Padang Panjang, dan pusat kebudayaannya adalah Pagaruyung Batu Sangkar, dikenal dengan *Luhak Tanah Datar*. Lembah dataran tinggi gunung Singgalang-Merapi atau sekeliling Bukittinggi dikenal dengan *Luhak Agam*, dan lembah dataran tinggi gunung Sago atau sekitar Payakumbuh disebut *Luhak Lima Puluh Kota*.⁸

Pesisir adalah daerah rendah yang terletak di sebelah barat bukit Barisan dan sempadan dengan Samudra Indonesia. Daerah pesisir ini terbahagi kepada kesatuan-kesatuan politik, ekonomi, dan kultur historis menurut nama daerah ataupun kota dagang, yang dalam sejarah pernah berperanan penting dalam bidang ekonomi dan politik, seperti Tiku dan Pariaman di sebelah Utara, Padang di tengah, Bandar dan Indrapura di Selatan.

Sedangkan rantau adalah lembah-lembah sungai dan anak-anak sungai yang berasal dari daerah pegunungan Bukit Barisan dan bermuara di Selat Melaka, mahupun di Laut Cina Selatan. Ia merupakan sambungan selanjutnya dari tanah air orang Minangkabau. Daerah rantau ini terdiri dari: rantau *riak nan Badabur* iaitu daerah Tiku Pariaman, rantau 12 Koto di batang Sangir iaitu sepanjang Batang Hari dan Sungai Siak sampai ke batas Jambi ke Kerajaan Singuntur di Sungai Dareh, Sitiung dan Koto Gadang, Rantau Nan Kurang Aso Duapuluh, rantau Sudaro nan 44, rantau Kampar Kanan dan Kampar Kiri sampai ke batas kerajaan Siak Sri Indrapura, rantau Juduhan atau rantau dari yang Dipertuan Maharaja

Negeri Sembilan. 1994; Lister, M The Negeri Sembilan, Their Origin and Constitution. Dalam *JSBRAS*, 1887.Vol.XIV. hal.36; Nathan J.E.& Winstedt, R.O. Johol, Inas, Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir dan Terachi: Their History and Constitution 1929. Dalam *Papers on Malay Subjects*. hal. 394-395; Norhalim Hj. Ibrahim. 1993. Penerokaan Orang Minangkabau di Luak Rembau. Dalam *Budaya Negeri*. Vol.X. hlm.8-13; Norhalim Hj. Ibrahim. 1995. *Negeri Yang Sembilan, daerah Kecil Pasaka Adat Warisan kerajaan Berdaulat*, Shah Alam: Fajar Bakti Sdn.Bhd.; Oo jin-bee. 1976. *Peninsular Malaysia*. Hong Kong; Parr, C.W.C. and Mackray, W.H. 1910. Rembau One of the Nine States: Its History, Constitution and Customs. Dalam *Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society*, Vol.56 hal.1-157

⁸ Tidak termasuk pulau-pulau kecil yang berhampiran seperti Pulau Sipora, Pulau Siberut, dan Pulau Sikakap.

Bungsu, Rantau Bayang Nan Tujuh, Rantau Bandar Sepuluh, rantau Singkil Tapak Tuan, dan rantau Negeri Sembilan di Semenanjung Malaysia (Umar, T.A., 1978: 29) .

Pada mulanya sebelum perluasan tanah Minangkabau ke daerah dataran rendah lainnya, setiap luhak mempunyai tanah rantau yang bersebelahan. Luhak Tanah Datar mempunyai Rantau Solok arah ke selatan, Luhak Agam mempunyai Rantau Pasaman di sebelah utaranya, dan Luhak Lima Puluh Kota mempunyai Rantau Kampar arah ke timur. Luhak dan rantau itu sekarang masing-masingnya telah berbentuk menjadi kabupaten. Kabupaten Kampar yang dahulu bahagian dari Sumatera Barat, sekarang masuk propinsi Riau, sekalipun rakyatnya tetap memakai adat Minangkabau dan secara etnis tetap menganggap dirinya sebagai orang Minangkabau.⁹

Ke utara luhak Agam adalah rantau Pasaman, Lubuk Sikaping dan Rao sampai ke perbatasan Mandahiling.¹⁰ Ke selatan dan tenggara Tanah Datar, yang meliputi daerah Solok-Salayo, Muara Panas, Alahan Panjang- Muara

⁹ Untuk wilayah *darek* Luhak Tanah Datar adalah pusat yang terpenting dalam Alam Minangkabau. Pariangan Padang Panjang adalah *nagari* yang pertama ditubuhkan. Kawasan ini terletak di *kabupaten* Tanah Datar, di sinilah terletaknya Istana Diraja, dan tempat tinggal bangsawan-bangsawan penting yang ternama. Menurut kepercayaan orang Minangkabau, Pariangan adalah *nagari* yang tertua di Minangkabau, sehingga *nagari* ini diberi julukan sebagai *tampuk tangkai Alam Minangkabau*. Oleh itu, Luhak Tanah Datar disebut juga luhak tertua, dengan ibu negerinya Batusangkar, Luhak Agam disebut *luhak nan tengah*, dengan ibu negerinya Bukittinggi, dan luhak 50 Kota dengan ibu negerinya Payakumbuh. Dalam perbilangan adat ketiga-tiga wilayah Minangkabau itu digambarkan dengan menggunakan kata-kata kiasan. Agam dikiaskan sebagai *buminya hangat, airnya keruh, dan ikannya liar*. Lima Puluh kota dikiaskan sebagai *buminya sejuk, airnya jernih, dan ikannya jinak*, sedangkan Tanah Datar dikiaskan sebagai *buminya nyaman, airnya tawar, dan ikannya banyak*. M. Rasyid Manggis menginterpretasikan kiasan itu sehingga menggambarkan masyarakat Agam adalah masyarakat yang keras hati, berani dan suka berkelahi. Masyarakat Lima Puluh Kota sebagai masyarakat yang berhati lembut, tenang dan suka dengan kedamaian, sedangkan masyarakat Tanah Datar sebagai masyarakat yang peramah, sabar dan suka kedamaian. Lihat Rasjid Manggis, M.D Radjo Penghoeloe, *Minangkabau, Sejarah ringkas dan Adatnya*, Sri Dharma, Padang, 1971, hal.66.

¹⁰ Utusan-utusan pemangku adat dari Kampar yang datang menghadiri Seminar Sejarah dan Kebudayaan Minangkabau di Batu Sangkar tahun 1970, dan musyawarah besar LKAAM (Lembaga Kerapatan Adat Alam Minangkabau) di Padang tahun 1970 menekankan bahawa walaupun secara administratif daerah mereka sekarang merupakan bahagian dari propinsi Riau, secara adat mereka tetap orang Minangkabau dan mengikuti adat Mianangkabau. Mochtar Naim, *Merantau Pola Migrasi suku Minangkabau*, Gadjah Mada University Press., Yogyakarta, 1979, hal.318. Secara tidak langsung pernyataan ini telah menjawab keraguan yang dikemukakan oleh De Josselin de Jong, dalam mempertanyakan apakah mereka menganggap diri mereka orang melayu atau orang Minangkabau. Lihat P.E.De Josselin de Jong, *Minangkabau and Negeri Sembilan: Socio-Political Structure in Indonesia*. The Hague, Nijhoff, 1952, hal.7.

Labuh, Alam Surambi-Sungai Pagu dan Sawah Lunto Sijunjung sampai ke perbatasan Riau dan Jambi, dalam sejarah Minangkabau dinamakan “*ekor rantau*” yang merupakan daerah peralihan antara Alam Minangkabau dan rantau. Sebagai wilayah yang letaknya berbatasan dengan Riau (Sijunjung) dan Jambi (Muara Labuh), kultural sosilogis daerah itu merupakan daerah peralihan antara Melayu Minangkabau dengan Melayu Riau, dan Melayu Jambi (Mansoer, M.D, Dkk, 1970: 4).

Kemudian ke sebelah timur adalah rantau sebelah timur, yang dahulu pernah mencakup keseluruhan daerah Sumatera Tengah bahagian timur. Daerah-daerah ini adalah rantau daerah hiliran sungai-sungai besar: Rokan, Siak, Tapung, Kampar, Inderagiri (Kuantan), dan Batang Hari, yang secara historis juga disebut *Minangkabau Timur*.

Pada awalnya pengertian rantau terhadap pada wilayah Minangkabau yang terletak di luar wilayah *luhak nan tigo*, iaitu daerah-daerah kolonisasi di lembah sungai-sungai dan anak sungai yang mengalir arah ke jurusan timur dari Alam Minangkabau sahaja. Tetapi kemudian istilah rantau mengalami perluasan pengertian dan bermakna daerah-daerah di luar Minangkabau. Oleh itu secara etnografis, rantau ialah wilayah Minangkabau yang terletak di luar wilayah *luhak nan tigo*.¹¹ Dengan demikian, tergambarlah bahawa wilayah Minangkabau dahulunya lebih luas dari Sumatera Barat sekarang, bahkan dalam sejarah Minangkabau, terdapat suatu masa, yang sungguhpun tidak dapat ditentukan dengan pasti, tetapi diduga dalam abad ke-14 dan ke-15, di mana kerajaan lama yang bernama Minangkabau, meliputi seluruh wilayah Sumatera Tengah.¹² Marsden juga menyebutkannya batas-batas

¹¹ Daerah ini merupakan rantau bersama antara rantau Minangkabau dan rantau Mandahiling. Orang-orang dari kedua belah pihak saling pinjam meminjam kebudayaan dan penduduknya “*settlers*” dari kedua daerah itu, sehingga berbicara dalam dua bahasa Minangkabau dan Mandahiling dalam pergaulan sehari-hari. Di antara mereka sering terjadi perkahwinan silang, walaupun mereka tetap mempertahankan tradisi masing.

¹² Batas-batas wilayah rantau tergantung pada pasang naik dan pasang surut kekuatan kerajaan Pagaruyung. Pada masa jayanya Minangkabau, wilayahnya meliputi Sumatera Bahagian tengah, sejak pantai tikur sampai pantai barat, bahkan menyeberang ke melaka. Di kala merosot, ada wilayah yang membentuk luhak baru seperti Kubung Tiga Belas di sekitar solok. Ada juga yang menabalkan dirinya sebagai kerajaan yang bebas dari kekuasaan Pagaruyung dan menyatakan kerajaannya sebagai warisan Sri Maharaja Diraja pula, seperti halnya kerajaan Indrapura dan Sungai Pagu, keduanya terletak di bahagian selatan Minangkabau. Lihat A.A.Navis, *Alam Terkembang Jadi Guru, Adat dan Kebudayaan Minangkabau*, PT Pustaka Grafitipers, Jakarta, 1986, hal.107. Wilayah rantau pada mulanya merupakan wilayah untuk mencari kekayaan secara individual oleh penduduk, baik dalam bidang perdagangan, usaha dan jasa mahupun dalam kegiatan lainnya yang sifatnya sementara. Akan tetapi kemudian menjadi semacam koloni Kerajaan Pagaruyung atau koloni berbagai kekuasaan lain, sesuai dengan situasi politik yang berkembang pada zamannya.

wilayah Minangkabau itu adalah “*At a period not very remote its limits were included between the river of Palembang and that of Siak, on the eastern side of the island, and on the western side between those of Manjuta (near Indrapura) and Singkel, where (as well as at Siak) it borders on the independent country of the Battas* (Marsden, W., 1966: 333).

Selain itu, dalam perbilangan adat dan tambo Minangkabau juga disebutkan, wilayah Minangkabau itu adalah *dari Sikilang Aia Bangi sampai ka Taratak Aia Itam, dari Sipisok-pisok pisau hanyuik sampai ka Sialang balantak basi, dari riak nan badabuah sampai ka durian ditakuak rajo* (dari Sikilang Air Bangis sampai ke Taratak Air Hitam, dari Sipisok-pisok pisau hanyut samapai ke Sialang berhulu besi, dari riak yang berdebur samapai ke durian di tekuk raja)¹³. Dalam ungkapan lain juga berbunyi: *Nan salilik Gunuang Merapi, nan saedaran Gunuang Singgalang, saajaran Talang jo Karinci, saputaran Tandikek jo Pasaman, saedaran Gunuang Sago, dari Sirangkak nan Badangkang, hinggo Buayo Putih Daguak, sampai ka Pintu Rajo Ilie, durian di Takuak Rajo, Sipisau-pisau Anyuik, Sialang Balantak Basi, hinggo Aia Babalie Mudiak, sailiran Batang Bangkaweh, sampai ka Ombak Nan badabuah, Ka timua Ranah Aia Bangi, Rao jo mapattungguna, Gunuang Mahalintang, hinggo Lawik nan Sadidiah, Pasisie Banda Sapuluah, Taratak Aie Hitam, hinggo Tanjuang Samalidu droes Hakimi, “Adat Alam Minangkabau”* (Bakar, A.A. , 2002: 238-239).

Kedatangan Orang Minangkabau Negeri Sembilan

Negeri Sembilan adalah salah satu daripada rantau Minangkabau yang terletak di luar Pulau Sumatera. Memang sukar untuk menjelaskan secara pasti bila orang Minangkabau datang ke Negeri Sembilan. Namun yang pasti, jauh sebelum kedatangan bangsa Barat, orang Minangkabau telah datang meneroka ke Semenanjung Tanah Melayu. Kedatangan mereka tidaklah sekaligus, tetapi secara bergelombang. Ada dalam kumpulan kecil dan ada juga dalam kumpulan yang besar. Ada pendapat mengatakan bahwa orang Minangkabau telah sampai ke Semenanjung Tanah Melayu pada akhir abad ke-11 atau awal abad ke-12 , bermula dengan pembukaan Temasik¹⁴ (Singapura sekarang).

¹³ Wilayah Sumatera Tengah ketika itu iaitu wilayah yang terletak antara kerajaan Palembang dan Sungai Siak di sebelah Timur, dan antara kerajaan Manjuto dan Sungai Singkel pada sebelah Barat. Teras dari kerajaan yang besar ini terdiri dari kerajaan Minangkabau yang asli (Alam Minangkabau), kira-kira meliputi daerah Padang Darat sekarang, dan raja-raja dari kerajaan inilah yang memperbesar daerah pengaruhnya dari pantai barat sampai ke pantai timur, iaitu kerajaan Inderapura, Inderagiri dan Jambi. Lihat *Encyclopaedie Van Nederlandsch Oost Indie*. 1918. hal.738.

¹⁴ Ramai penulis tentang Minangkabau menafsirkan ayat ini secara harfiah kerana berbagai kata, seperti: Sikilang, Air Bangis, Teratak, Air Hitam, Sipisok, dan Sialang adalah merupakan nama nagari. Dengan demikian

Menurut Marsden dalam *The History of Sumatra*, orang Minangkabau yang telah membuka Temasik itu adalah pengikut atau di bawah pimpinan Sang Nila Utama yang kemudian bergelar Sri Tri Buana.¹⁵ Bahkan para penulis lain seperti Wilkinson (1921: 123-141), Loeb, (1972) dan Josselin de Jong (1960) lebih jauh lagi menyatakan bahawa seluruh penduduk Semenanjung adalah berasal dari Minangkabau. Pernyataan ini memang agak terlalu umum lagi menyeluruh, dan mungkin susah diterima, namun setidaknya dari pendapat Marsden dan Wolters tersebut dapat dikatakan bahawa orang Minangkabau sudah sampai ke Semenanjung pada akhir abad ke-11 dan awal abad ke-12, walaupun mungkin hanya di bahagian selatan Semenanjung Tanah Melayu dan mungkin bertumpu di Temasik dan Johor sahaja.¹⁶

Dari Temasik dan Hujungmedine (Johor), peneroka dan pedagang Minangkabau telah pula merantau ke bahagian kawasan tengah Semenanjung, terutama di Kelang, Sang Hiyang Hujung (kawasan Tanjung Tuan) dan Kuala Muara Sungai Linggi sekarang. Ini mungkin berlaku setelah

diperkirakan batas Minangkabau dahulu diperkirakan di sebelah Barat Daya iaitu Air Bangis sekarang, di sebelah Tenggara ialah Teratak dekat Teluk Kuantan, di sebelah utara dekat kampung Sipisok-pisok sampai ke Sialang dekat perbatasan Riau, dan disebelah selatan di pesisir sampai ke kampung Durian dekat perbatasan Jambi. Ada juga penulis yang lain mentafsirkan luas wilayah Minangkabau itu sesuai dengan peta wilayah semasa jayanya dengan mengatakan bahawa batas wilayah yang disebutkan di atas itu (sesuai dengan tambo), merupakan batas bahagian barat, utara, dan selatan sahaja, sedangkan ke timurnya sampai ke seluruh wilayah Riau, bahkan sampai ke Negeri Sembilan di Malaysia. Lihat A.A.Navis, *Alam Berkembang Jadi Guru, Adat dan Kebudayaan Minangkabau*, PT Pustaka Grafitipers, Jakarta, 1986, hal.54.

¹⁵ Temasik telah wujud sejak akhir abad ke-11 dan awal abad ke-12 lagi. Pada ketika itu ia adalah sebahagian daripada empayar Srivijaya, dan mungkin merupakan salah satu pusat perdagangannya di selatan Semenanjung. Kepentingan Temasik ini terbukti apabila ia menjadi salah satu daripada sasaran dalam siri serangan Rajendra, Raja Chola ke atas Kerajaan Srivijaya pada tahun 1025. Lihat D.G.E. Hall, *Sejarah Asia Tenggara*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. 1971.hal.75-76

¹⁶ Walaupun pendapat Marsden bercanggah dengan dengan pandangan umum, yang mengatakan Sri Buana itu berasal dari daerah Palembang sekarang, namun Marsden mendapat sokongan dari Wolters dalam kajiannya tentang kejatuhan Srivijaya, yang telah memberi keterangan lanjut tentang kedudukan Palembang sebagai ibu kota Srivijaya pada ketika Sri Buana membuka Temasik. Menurut Wolters, menjelang penghujung abad ke-11, ibu kota kerajaan Melayu berpindah dari Palembang ke Jambi lebih ke utara di tepi pantai yang sama. Srivijaya dengan ibu kota Palembang dalam erti kata sebenarnya, tidak ada lagi, namun para ahli telah terbiasa memakai istilah dalam makna kerajaan yang diperintah dari Jambi, dan kemudiannya dari pedalaman Minangkabau. Lihat W.O.Wolters. *The Fall of Srivijaya in Malay History*. Cornell University Press. Ithaca.1970.hal.2

kejatuhan Srivijaya dan kebangkitan Majapahit.¹⁷ Dari kawasan Sang Hyang Hujung mereka mudik ke pedalaman mengikut Sungai Linggi, Sungai Rembau dan Sungai Penajis untuk ke kawasan Rembau, dan melalui Sungai Siput untuk ke kawasan Naning (Ibrahim, N., 1995: 45

Newbold yang menulis rencana tentang Rembau dan tiga buah rantau Minangkabau yang lain di Semenanjung dalam tahun 1834, mungkin merupakan penulis terawal yang membincangkan tentang tarikh mula orang Minangkabau yang datang ke Rembau dan Naning (Newbold, T.J., 1934: 265).

Mungkin oleh kerana tidak ada keterangan sejarah yang pasti tentang tarikh tersebut, ia telah menggunakan tradisi lisan setempat sebagai petunjuk. Dengan berpandukan tradisi lisan tersebut, ia telah menterjemahkan masa ketibaan perantau Minangkabau itu pada abad ketujuh Hijrah, yang diberikannya bersamaan dengan abad ke-12 Masehi.

Kemudian dalam abad ke-19 selain Newbold, Favre seorang mubaligh Katolik, juga telah memberikan tarikh kedatangan orang Minangkabau. Favre mengatakan bahawa, Rembau dan Naning telah diteroka oleh orang Minangkabau seratus tahun selepas Temasik dibuka oleh Sang Nila Utama. Menurutnya Temasik telah dibuka sejak tahun 1160 (Favre, P.E.L, 1884. 2: 237-282). Ini bermakna secara tidak langsung dan Favre menyatakan bahawa Rembau dan Naning telah diteroka oleh orang Minangkabau sejak tahun 1260.¹⁸

Pendapat lain mengatakan bahawa orang Minangkabau datang ke Semenanjung Tanah Melayu sekitar abad ke-14 Masehi. Mereka meneroka kawasan-kawasan yang dinamakan dengan Negeri Sembilan sekarang. Antara yang berpendapat demikian adalah Parr dan Mackray. Menurutnya Rembau telah diteroka oleh orang Minangkabau pada tahun 1388, bersamaan dengan 773 Hijrah (Parr C.W.C. dan Mackray. W.H.1910: 57) dan bahkan Abas Haji Ali menyatakan lebih awal lagi iaitu pada tahun 1338 (Abas, H.A, 1953).

Mereka datang ke Rembau untuk meneroka dan menjalankan usaha (mungkin pertanian bersawah padi atau berkebun lada) di samping aktif dalam bidang perdagangan.¹⁹

¹⁷ Fakta yang mengatakan Temasik telah wujud sebagai pusat perdagangan pada abad ke-12 itu, mungkin dapat menyokong kenyataan yang mengatakan tentang kedatangan perantau Minangkabau ke Temasik pada abad tersebut. Oleh sebab Temasik adalah pusat perdagangan, maka ia adalah lanjutan kawasan perantauan orang Minangkabau, selepas merantau ke Sumatera Timur (Rantau Timur Minangkabau)

¹⁸ Di zaman kerajaan Majapahit, selain daripada Temasik, Kelang dan Sang Hyang Hujung juga sudah menjadi pusat perdagangan di Selat Melaka.

¹⁹ Jarak masa di antara tarikh yang dikemukakan oleh Favre sebagai salah seorang penulis awal tentang kedatangan orang Minangkabau ke Rembau, adalah lebih kurang satu abad. Lihat Favre. "An Account of the Wild Tribes inhabiting the Malayan Peninsula. Dalam *JIAEA*, 1848.hal.237-82).

Menurut Dato' Seri Maharaja Dato' Haji Khalid Bin Bonget, orang Minangkabau datang ke Semenanjung Tanah Melayu berperingkat-peringkat melalui empat jalan, iaitu melalui Temasik dan Hujung Medini (Johor), melalui Sungai Linggi, Sungai Muar dan Jalan Penarikan, dan melalui Segenting Langkap, Sungai Triang dan Kelang.²⁰ Kedatangan perantau Minangkabau melalui Temasik dan Hujung Medini ini, diperkirakan sudah bermula sejak abad ke 11 dan ke-12. Mereka ini lah pengikut Sri Tri Buana. Dari Tumasik mereka berhijrah ke utara menjalankan perniagaan di Kuala Muar dan Kuala Penajoh²¹, sambil membuat petempatan baru 'sementara-kekal' di pedalaman (hulu Sungai Penajoh dan Sungai Siput) dalam kawasan Rembau dan Naning.

Perantau Minangkabau yang datang melalui Sungai Linggi, dipercayai bermula dalam abad ke-13 dengan menyeberangi Selat Melaka. Rembau dan kawasan sekitarnya menjadi tumpuan mereka pada abad tersebut. Mereka sampai ke Rembau dan Naning dan membuka Kuala Pedas (Kota Pedas), Tabuh Naning, Lubuk China, Kampung Relong, Kampung Lada dan Kampung Lama. Adapun yang datang melalui Sungai Muar dan Jalan Penarikan berlaku pada abad ke 15 Masehi. Jalan penarikan²² atau *Silk route* merupakan jalan pintas di antara wilayah pantai barat (Muar, Melaka dan Negeri Sembilan) dengan wilayah pantai timur (Pahang dan Terengganu), Semenanjung Tanah Melayu. Jalan ini digunakan untuk tujuan politik dan ekonomi. Jalan ini telah menyaksikan jatuh banggunya kerajaan Langkasuka, Srivijaya, Majapahit dan Melaka. Pada sekitar abad ke-15,

²⁰ Apabila tiba musimnya, selepas usaha pertanian berjaya dan beroleh keuntungan darinya mereka balik ke Sumatera, dan kembali semula ke Rembau pada musim berikutnya untuk meneruskan usaha mereka. Dengan ini jelas bahawa keusahawanan mereka di Rembau adalah bermusim dan bersifat sementara. Walaupun demikian petempatan itu tidak "terbiar" semasa musim mereka balik ke Sumatera, kerana petempatan itu akan "diperhatikan" dan "diusahakan" pula oleh rakan seperantauannya, yang mungkin oleh orang sekampung atau orang sesuku dengannya, yang tidak balik pada musim berkenaan. Situasi ini yang menyebabkan petempatan mereka di Rembau itu, walaupun telah lama terbuka, berlanjutan bertaraf "teratak" dan tidak bertaraf "nagari". Lihat Norhalim Hj. Ibrahim. *Negeri Yang Sembilan: Daerah Kecil Pesaka Adat Warisan Kerajaan Berdaulat*. Fajar Bakti Sdn.Bhd. Shah Alam.1995. hal 50. *Nagari* bermaksud permukiman atau wilayah yang telah mempunyai alat kelengkapan pemerintahan yang sempurna. Wilayah tersebut harus didiami oleh penduduk yang sekurang-kurangnya terdiri daripada empat suku dengan seorang penghulu selaku pemerintah tertinggi. Lihat A.A. Navis. *Alam Terkembang Jadi Guru, Adat dan Kebudayaan Minangkabau*. Pustaka Grafitipers. Jakarta. 1984.hal. 94

²¹ Dato' Seri Maharaja Dato' Haji Khalid Bin Bonget, *Tiang Balai Penghulu Luak Muar. Latar Belakang Dan sejarah Adat Perpatih Negeri Sembilan Darul khusus*.

²² Merupakan satu pusat petempatan dan perdagangan di bawah wilayah Sang Hyiang Hujung berlanjutan hingga ke zaman Sultan Mahmud Melaka (1488-1511).

perantau Minangkabau dari Sumatera telah mendarat di Muar. Dari Muar mereka mudik dan membuka negeri-negeri Jempol, Ulu Muar, Terachi, Gunung Pasir, Inas, Johol dan Jelebu.

Sedangkan yang datang melalui Segenting Langkap, Sungai Triang dan Kelang, terdiri daripada dua jalan. Pertama, mereka yang datang melalui Sungai Muar dan mendarat di Lubuk Ulu Muar (Kuala Pilah), kemudian menyusur mengikut Segenting Langkap ke Hulu Kelebang dan ke luar ke Ulu Sungai Lumut dan mengalir sampai ke Kuala Kampung Kuala Dulang (Jelebu). Kedua, mengikut Laut Cina Selatan, mudik Sungai Pahang lalu ke Sungai Triang, mereka kemudian mendarat ke Juntai dan membuka kampung Pasir Panggil.²³

D'Eredia (1613) yang dipetik oleh Winstedt (*JMBRAS*, vol.xii.pt.3) telah mencatat bahawa kedatangan orang Minangkabau telah berlaku setelah penaklukan Melaka oleh Portugis 1511. Ia mengatakan bahawa sebahagian besar kawasan pedalaman berada dalam keadaan “*uninhabited and deserted occupied by Manancabos* (Minangkabau)...”²⁴ Bahkan Ooi Jin Bee

²³ Jalan ini merupakan salah satu daripada laluan kuno yang penting merentasi Semenanjung Tanah Melayu. Perkembangan perdagangan yang pesat di Semenanjung Tanah Melayu sejak abad ke 13 dan ke-14 Masehi, antara lain didukung oleh factor laluan kuno rentas Semenanjung ini. Laluan ini sebagaimana pada peta yang telah dilukis oleh Godindho d'Eredia dalam tahun 1613, turut menyatakan bahawa perjalanan dari Melaka ke Pahang hanya mengambil masa 6 hari. Enam laluan kuno itu ialah: Laluan Penarikan, laluan Pahang-Melaka, laluan Kedah-Patani, laluan Perak-Patani, Laluan Kelantan-Melaka, dan laluan Sembrong. Lihat Kamaruddin Zakaria dan Mohamad Muda Bahadin. “Penyelidikan Arkeologi: ‘Laluan Penarikan’ Sungai Jempol dan Sungai Serting di Negeri Sembilan” dalam *PURBA*. bil.26. 2007. hal. 31-32

²⁴ Kemudian Norhalim menambahkan, bahawa orang Minangkabau yang datang ke Semenanjung Tanah Melayu di sekitar abad ke-12 dan ke-13, dapat dikategorikan dari dua golongan, iaitu: pertama, mereka yang datang dengan tujuan mencari penempatan baru. Kedua, mereka yang datang untuk berniaga. Golongan kedua ini pula, boleh dibahagi kepada dua iaitu. Pertama, mereka yang sememang datang untuk berdagang sahaja. Mereka ini apabila sampai musim dan masa-masa tertentu akan balik ke tanah air mereka dengan membawa kekayaan. Kedua, mereka yang pada mulanya datang untuk berniaga, tetapi akhirnya telah meneroka, di kawasan baru untuk menjadi petani, iaitu kegiatan ekonomi yang sememang menjadi darah daging orang Minangkabau. Orang Minangkabau dari golongan peneroka inilah yang memperkenalkan, sistem pertanian bersawah padi di Rembau dan kawasan-kawasan lain di Negeri Sembilan dan Nanning. Demikian juga halnya dengan mereka yang datang ke Rembau, perantau Minangkabau yang sampai ke daerah ini pada abad ke-14 juga terdiri daripada dua golongan, iaitu golongan pedagang dan peneroka. Antara dua golongan ini, bilangan pedagang lebih ramai, namun apabila sampai di rantau Rembau, ada diantara mereka yang menjadi peneroka. Golongan kedua walaupun tujuannya membuka petempatan baru, mempunyai matlamat yang sama dengan golongan pertama, iaitu mencari kekayaan. Justeru itu, perantau Minangkabau golongan kedua ini pun, dalam bahagian pertama abad ke-14 adalah bersifat sementara di petempatan baru mereka. Lihat Norhalim Hj. Ibrahim. *Negeri Yang Sembilan: Daerah Kecil Pesaka Adat Warisan Kerajaan Berdaulat*. Fajar Bakti Sdn.Bhd. Shah Alam.1995. hal..46-49

mengatakan bahawa kedatangan orang-orang Minangkabau ke Negeri Sembilan telah berlaku secara besar-besaran dalam abad ke-14 (Oo Jin-
bee, 1970: 123). Ini bermakna bahawa mereka telahpun berhijrah ke
tempat-tempat tersebut lebih awal daripada tahun 1511.

Satu lagi sumber yang mengatakan bahawa bahagian selatan
Semenanjung Tanah Melayu telah diduduki oleh orang Minangkabau
selewat-lewatnya pada abad ke-12. Ketua kumpulan Minangkabau itu
bernama Tu Pattair, dan mereka mula-mula tiba di Melaka, dan sampai ke
suatu tempat yang bernama Tabu (Tabuh Naning). Tu Pattair dan pengikut-
pengikutnya dikatakan telah membuka perkampungan dan berkahwin
dengan wanita-wanita tempatan serta tinggal menetap di situ sehingga
akhirnya terbentuk "perkampungan" Minangkabau pertama di Tanah
Melayu. Kemudian mereka telah membuka kawasan sehingga ke Sungai
Ujong, termasuk, Rembau, Johol, dan beberapa kawasan lainnya (Newbold,
T.J., 1971: 77).

Rasjid Manggis menyebutkan bahawa perantau Minangkabau telah
datang ke Semenanjung Tanah Melayu pada penghujung abad ke-15.
Mungkin sekitar tahun 1490-an,²⁵ seorang pembesar adat Minangkabau,
bernama Datuk Lateh telah sampai ke Rembau. Kedatangan beliau adalah
sebagai peneroka dan pemimpin masyarakat Minangkabau di situ dan bukan
sebagai pedagang. Beliau adalah pembesar Minangkabau yang pertama
datang ke Rembau. Di samping itu beliau juga adalah wakil pribadi Tuan
Makhudum di Sumanik, iaitu salah seorang daripada *Basa Ampek Balai*
Minangkabau. Salah satu daripada tugas beliau ialah mengawasi rantau
Rembau (Manggis, R. Dt, 1971: 103).

Mengikut cerita tambo, Datuk Leteh berasal dari Batu Hampar (Hervey,
D.F.A. 1884: 251), bersuku Caniago. Pengikutnya adalah orang Batu Hampar,
Paya Bidara, Pagar Cincang dan Agam. Beliau dan rombongannya telah
memuduki Sungai Penajoh (iaitu gabungan Sungai Linggih, Sungai Rembau,
dan Sungai Penajis sekarang). Mulanya beliau singgah di Lubuk China,
kawasan yang ramai penduduknya ketika itu dan menemui Tun Zainul Abidin
bin Bendahara Paduka Raja Tun Perak atau dikenali sebagai Datuk Lubuk
China. Tun Zainal Abidin itu adalah wakil kerajaan Melayu Melaka di
Rembau. Oleh yang demikian, sebagai seorang ketua adat, Datuk Leteh
telah terlebih dahulu menemui Tun Zainal Abidin sebagai tanda hormat
seorang pembesar lain, serta memohon izin dan restu untuk masuk ke
pedalaman dan meneroka.

Dari Lubuk China Datuk Leteh telah mudik lagi ke hulu dan pergi
menemui Batin Sekudai, ketua orang Jakun di Rembau, yang tinggal di

²⁵ Tetapi pada masa itu Sungai Ujung, Johol, dan Sri Menanti belum ada
penempatan orang-orang Minangkabau. Ini bermakna pada orang Minangkabau
belum lagi menduduki kawasan tersebut pada abad ke-16.

Kampung Relong. Tujuan pertemuan ialah memohon izin untuk meneroka tanah baru bagi rombongannya dan orang-orang Minangkabau, sama ada yang telah datang atau yang bakal tiba. Sebagai penghormatan pula Batin Sekudai telah menyediakan tempat tinggal untuk Datuk Leteh di kampung tersebut. Datuk Leteh telah tinggal di situ lebih kurang setengah tahun. Pada masa tersebut pengikutnya yang datang dari Agam telah berusaha mencari petempatan sendiri. Akhirnya mereka telah membuka kampung Agam yang terletak agak jauh di kampung Relong, iaitu tebing selatan Sungai Rembau hari ini. Pengikut Datuk Leteh terutamanya orang Batu Hampar telah membuka kawasan yang agak hampir dengan Kampung Relong. Mereka telah membuka tanah paya di bahagian baruh (selatan) dan timur Kampung Relong. Dengan itu wujudlah kampung-kampung yang hari ini terlengkung sebagai Kampung Penajis Ulu.

Setelah hampir dua tahun tinggal di Rembau dan kerana kebijaksanaan dan ketokohnya sebagai pemimpin atau ketua adat Minangkabau (Manggis, Dt. R. 1971: 69-78), Datuk Leteh telah menjadi kawan rapat dan orang kepercayaan Batin Sekudai. Sebagai 'wakil' Kerajaan Pagaruyung, khususnya Datuk Makhudum di Sumanik, beliau telah menyusun dan mengatur sistem masyarakat Minangkabau di Rembau, sehampir yang mungkin dengan sistem adat di tanah asal mereka. Antara penyusunan yang dilakukan ialah mengelompokkan ahli-ahli masyarakatnya ke dalam suku-suku tertentu. Setelah 'dimuafatkan' dan setelah 'sekato' maka 'bulatlah' mereka untuk mengubahsuai nama suku mereka. Nama-nama suku asal seperti bodi, caniago, koto, atau piliang tidak digunakan lagi, sebaliknya digunakan nama tempat atau kampung asal mereka di Minangkabau

Terombo Rembau tidak menyebut tentang keluarga Datuk Leteh, tetapi menyebutkan bahawa Batin Sekudai,²⁶ telah menyerahkan anak perempuannya Datuk Bungkal,²⁷ untuk dipelihara dan dijaga oleh Datuk

²⁶ Mungkin lebih awal daripada tahun ini. Pendapat ini dapat didukung oleh fakta sejarah yang menyebutkan bahawa terdapat sebuah makam di Sungai Ujong Linggi, iaitu makan serang ulama yang berasal dari Minangkabau bernama Syeikh Ahmad Makhudum. Beliau datang untuk menjadi guru bagi orang-orang Minangkabau yang merantau untuk membuka tanah ke Malaya. Pembuatan makam tersebut dikaitkan sama atau serupa dengan batu-batu bersurat di Batu Sangkar Pagaruyung. Pada nisan tersebut terdapat tulisan Arab, yang sesuai dengan tahun 1467, dan dijelaskan juga pada nisan tersebut iaitu pada masa pemerintahan Sultan Mansur Syah Melaka. Lihat Hamka, *Islam dan adat minangkabau*, penerbit Pustaka Panjimas, Jakarta, 1985, hal.53 dan A. Samad Idris, *Hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan dari Segi sejarah dan Kebudayaan*, Seremban, 1970, hal.13

²⁷ Sebelum kedatangan orang Minangkabau, di Semenanjung amnya, dan Negeri Sembilan khasnya telah ada penduduk asli yang dikenal dengan orang Jakun. Mereka juga telah mempunyai sistem susunan hidup tersendiri. Ketua orang Jakun pada masa itu dan juga sekarang disebut "Batin". Pada awal abad ke-16, orang Jakun di Rembau diketuai oleh seorang batin yang disebut dengan Batin Sekudai. Batin Sekudai mempunyai tiga orang anak, dan ketiga-tiganya perempuan.

Leteh. Kenyataan ini dapat disimpulkan bahawa Datuk Leteh telah berkeluarga, dan besar kemungkinan isterinya itu adalah orang Minangkabau juga. Jika Datuk Leteh masih bujang tidak mungkin Batin Sekudai menyerahkan anak perempuannya untuk dijadikan anak angkat oleh Datuk Leteh. Kemungkinan juga Datuk Leteh telah berumur dan begitu juga isterinya.²⁸

Pada sekitar tahun 1500 penduduk Kampung Relong menjadi semakin bertambah ramai akibat penghijrahan orang Minangkabau. Batin Sekudai dan Datuk Leteh telah bermuafakat dan bersetuju untuk pindah ke kawasan lain. Tempat baru yang dicadangkan adalah Kebun Lada. Pada ketika itu tempat tersebut belum didiami orang, melainkan yang menjaga kebun tersebut. Kawasan itu adalah ladang lada yang hasilnya diperdagangkan sama ada di Lubuk China atau terus di Melaka. Apabila kawasan tersebut dijadikan perkampungan kekal oleh Batin Sekudai dan Latuk Leteh, ia dikenali sebagai Kampung Kebun Lada. Akhirnya kampung itu itu terkenal dengan Kampung Lada sahaja seperti hari ini.

Batin Sekudai tidak tinggal lama di Kampung Lada. Pada penghujung tahun berkenaan beliau dan keluarganya, telah berpindah lagi, mengikut terombo, ke Seliau. Anaknya Datuk Bungkal tetap tinggal dengan bapak angkatnya, Datuk Leteh. Dengan pemergian Batin Sekudai ini maka kuasa 'pentadbir' ke atas Rembau terserah kepada Datuk Leteh. Ini bermakna di sekitar tahun 1500-01 Datuk Leteh adalah 'pentadbir' tunggal ke atas penduduk orang asli (yang menyesuaikan diri untuk tinggal bersama kaum pendatang) dan orang Minangkabau di Rembau.²⁹

²⁸ Datuk Leteh telah memelihara Datuk Bungkal sebagai anaknya sendiri. Kepada Datuk Bungkal telah disosialisasikan dan diterapkan budaya keluarga Minangkabau. Beliau tidak lagi terdidik sebagai anak orang Jakun, tetapi sebagai anak gadis Minangkabau yang bakal mewarisi dan meneruskan nilai, norma dan etika Minangkabau. Dengan itu dalam diri Datuk Bungkal telah berlaku pengasimilasian dua budaya, iaitu budaya dan nilai hidup orang Jakun dan juga Minangkabau. Memang ada beberapa pendapat tentang kedudukan Datuk Bungkal di kalangan adik beradiknya. Menurut Hervey, Datuk Bungkal adalah anak sulung. Lihat D.F.A. Hervey. "Rembau" dalam JSBRAS,13, 1884, hal.251., Menurut Abbas, Datuk Bungkal adalah anak bungsu. Lihat Haji Ali Abbas. *Rembau Sejarah Perkembangan Adat dan Istiadatnya*. Jabatan Undang dan Perlembagaan Adat Istiadat Melayu Rembau. Rembau, 1953.hal.5

²⁹ Kerelaan Batin Sekudai menyerahkan anak gadisnya (ketika itu sedang dara kecil) kepada orang luar, yang bukan sebansa dan sebudaya dengannya, secara tidak langsung membayangkan pendiriannya terhadap Datuk Leteh. Pertama, Batin sekudai sangat percaya dan menghormati Datuk Leteh dan keluarganya, kedua Batin Sekudai secara tidak langsung ingin mewujudkan perhubungan dengan kekeluargaan dengan Datuk Leteh. Ketiga; Batin Sekudai mengakui Datuk Leteh sebagai pemimpin orang Minangkabau di Rembau. Lihat Norhalim Hj. Ibrahim. *Negeri Yang Sembilan, daerah kecil pesaka adat warisan kerajaan berdaulat*. Fajar Bakti Sdn.Bhd. Shah Alam.1995.hal. 55

Pada sekitar tahun 1515-1516 sekumpulan orang Minangkabau telah tiba di Kampung Kotor (Kota) menemui Datuk Leteh. Salah seorang daripada rombongan itu adalah Datuk Lela Belang. Berdasarkan kepada gelarannya, beliau adalah seorang 'orang bergelar' dari Minangkabau.³⁰ Dari sumber-sumber sejarah Rembau terdapat dua versi tentang kedatangan Datuk Lela Belang. Pertama versi Hervey³¹/ Mohammad Hasan dan kedua Parr dan Mackray³². Menurut Hervey, Datuk Lela Belang datang selepas Datuk Leteh. Beliau berasal dari Batu Hampar bersuku caniago. Versi ini tidak menjelaskan sama ada beliau mengetuai sesuatu rombongan ataupun tidak (Hervey, D.F.A, 1884: 251). Mohammad Hasan sependapat dengan Hervey, tetapi tidak menyatakan nama suku Datuk Lela Belang, sebaliknya mengatakan bahawa Datuk ini berasal dari Batu Hampar Paya Bidara.

Parr dan Mackray tidak menyebut langsung tentang Datuk Leteh. Bagi mereka kumpulan orang Minangkabau yang terawal sampai di Rembau diketuai oleh Datuk Lela Belang (Parr dan C.W.C. dan Mackray, W.H., 1910: 3). Datuk ini berasal dari Batu Hampar, tanpa menyatakan sukunya. Terombo tulisan tangan yang terbaru,³³ sekitar tahun 1962, juga selari dengan versi Parr dan Mackray tetapi menambah beberapa fakta lain. Terombo ini menceritakan Datuk Lela Belang itu datang dari Pagaruyung, dan beliau datang bersama dengan Batin Pak Tinjau dan isterinya, Mak Inang. Sebelum ke Kampung Kota, Rembau mereka terlebih dahulu telah pergi ke Sungai Barat di Johor (Ibrahim, N. Hj., 1995: 62).

Dari huraian di atas, walaupun terdapat sedikit kelainan, fakta dasarnya tetap sama, iaitu Datuk Lela Belang itu datang dari Minangkabau dan telah

³⁰ Dengan demikian, pemergian Batin Sekudai dan secara tidak resmi, pelantikan Datuk Leteh sebagai pemimpin atau ketua di Rembau, telah merubah kedudukan Rembau dari segi konsep budaya Minangkabau, yang pada tahun berkenaan menjadi budaya dominan di Rembau. Rembau tidak lagi bertaraf kampung, dusun atau kota, tetapi telah mencapai tahap nagari, nagari Rembau, dan mungkin nagari rantau Minangkabau yang pertama di Semenanjung Tanah Melayu ketika itu.

³¹ Datuk Lela Belang adalah salah seorang dari pada dua tokoh penting, dalam perkembangan sejarah politik, khususnya dalam meletakkan batu asas institusi Undang di Rembau. Dan seterusnya memperkukuhkan kedudukan Rembau sebagai sebuah negeri yang berdaulat.

³² Versi Hervey adalah gabungan beberapa buah terombo yang diperolehinya sekitar tahun 1883-1884. Salah satu dari terombo itu adalah kepunyaan Mohamad Hasan, Datuk Bandar Rembau yang bertajuk: "Cerita Nenek Moyang Kerbau" dan "Salasilah Rembau".

³³ Versi yang dirumikan oleh Resident Councillor Inggeris bertarikh 1885. Terombo ini seperti yang tercatat dibahagian akhirnya diambil daripada Datuk Langsa Tua' (Datuk Lela Wangsa, Lembaga suku Anak Aceh Baruh) yang memerintah pada masa Datuk Penghulu Bogok' (1812-1819) hingga sampai ke penghulu Haji Sahil (1872-1883). Lihat Norhalim Hj Ibrahim. *Negeri Yang Sembilan, daerah kecil pesaka adat warisan kerajaan berdaulat*. Fajar Bakti Sdn.Bhd. Shah Alam, 1995, hal.72

pergi atau menetap di Kampung Kotor. Kesemua sumber tersebut juga bersetuju tentang tempat asal Datuk ini, iaitu Batu Hampar, hanya sahaja Mohamad Hasan yang menambahkan dengan Batu Hampar Paya Bidara.³⁴

Rombongan Datuk Lela Belang tersebut adalah orang Batu Hampar dan Mungkal (C.W.C.Parr dan W.H.Mackray' 1910: 6). Orang Batu Hampar telah bergabung dengan orang Batu Hampar pengikut Datuk Leteh. Mereka telah meneroka kawasan Paya dan sekitarnya di kiri kanan tebing Sungai Penajis. Perkampungan baru ini terletak di bahagian hilir kawasan Penajis Hulu yang telah dibuka oleh pengikut Datuk Leteh. Petempatan orang Datuk Lela Belang tersebut, hari ini dikenal sebagai Penajis Hilir. Pengikut Datuk Lela Belang yang lain, orang dari Mungkal telah meneroka kawasan di bahagian hulu Kampung Kotor, iaitu sekitar kawasan di mana pernah berdirinya pokok merbau. Hari ini perkampungan orang Mungkal tersebut terletak di kawasan yang dikenal sebagai Kampung Api-Api.

Datuk Lela Belang sendiri tidak berpindah bersama atau tidak meneroka bersama dengan orang Batu Hampar yang mengiringinya. Beliau terus tinggal di Kampung Kotor bersama dengan Datuk Leteh.³⁵ Setelah Datuk Lela Belang berkahwin dengan Datuk Bungkal, sekitar tahun 1516, kawasan kampung Kota itu telah dibahagi atas dua bahagian. Datuk Lela Belang telah mendapat sebelah kiri mudik, dan Datuk Leteh mendapat sebelah kanan mudik kawasan Kampung Kota. Petempatan yang diambil oleh Datuk Leteh itu diberi nama Kampung Perah, kerana di kawasan itu terdapat banyak pokok perah (*Elateriospermum tapos*).

Kemudian Parr dan Mackray menyebutkan juga bahawa, beberapa tahun selepas ketibaan Datuk Lela Belang, datang pula satu rombongan lagi dari

³⁴ Terombo ini bertajuk "Undang Melayu Anak Negeri". Bakin Bin Jata adalah Duka Juan, Waris Biduanda Tebat. Teombo ini terbahagi tiga. Bahagian pertama adalah berkaitan dengan kisah asal usul Adat Perpatih. Bahagian ini dihuraikan oleh Datuk Gempa Ahmad Bongkok. Bahagian kedua adalah berkaitan dengan cerita zaman Jakun dan kedatangan orang Minangkabau serta munculnya waris Biduanda Jakun dan Jawa. Bahagian ini diambil daripada Datuk Setia Maharaja, Pedas. Bahagian akhir adalah bahagian terbaru yang memuatkan perkembangan sejarah politi adat, terutama yang berkakitan dengan waris Tebat. Oleh kerana tarikh terakhir yang tercatat adalah adalah pelantikan Undang Rembau yang ke-20, Datuk Sedia Raja Haji Adnan, pada 19-1-1963, besar kemungkinan ia ditulis sekitar tahun tersebut, oleh Duka Juan Bakin atau warisnya. Bahagian akhir ini banyak berpandukan kepada tulisan Parr dan Mackray, atau lebih tepat berpandukan terjemahannya yang diusahakan oleh Abbas Hj Ali tahun 1953. Kesemua terombo ini ditulis menggunakan tulisan jawi dalam buku latihan untuk murid sekolah. Lihat Norhalim Hj Ibrahim. *Negeri Yang Sembilan, daerah kecil pesaka adat warisan kerajaan berdaulat*. Fajar Bakti Sdn.Bhd, Shah Alam.1995,hal.72

³⁵ Tempat-tempat seperti Mandiling, Caniag., Paya Bidara dan Pagar Cincang adalah sebahagian atau cawangan (branches) Batu Hampar. Lihat D. F.A.Hervey. "Rembau" dalam *JSBRAS*, No.13. 1884. hal.251

Sumatera (Parr C.W.C., dan Mackray W.H., 1910: 13). Rombongan ini telah diketuai oleh empat orang Datuk. Setiap Datuk ini diiringi oleh orang-orang yang setempat dengannya. Para Datuk tersebut adalah Datuk Budi dari Sri Melenggang, Datuk Laut Dalam dari Paya Kumbuh, Datuk Baginda Putera dari Batu Belang, dan Datuk Putih dari Sri Lemak. Setelah memudiki Sungai Penajis, mereka memasuki Sungai Mampong dan mudik lagi ke hulu sehingga sampai ke kawasan di mana Sungai Mampong terpecah dua, satu menghala ke utara, Sungai Batu Hampar dan sebatang lagi menghala ke timur, Sungai Tanjung Kling.

Apabila sampai di kawasan pertemuan dua sungai ini, kumpulan ini telah terpecah. Datuk Budi dan orangnnya meneruskan lagi ke utara, mengikut Sungai Batu Hampar. Mereka akhirnya membuat petempatan di kawasan yang terletak di tebing Sungai Batu Hampar, dan membuka perkampungan yang dikenali sebagai Kampung Batu Hampar sekarang. Datuk Laut Dalam serta rombongannya telah memasuki Sungai Tanjung Kling dan masuk pula ke Sungai Layang, dan membuat petempatan di kawasan Kampung Sungai Layang hari ini. Kumpulan Datuk Baginda Putera pula telah membuka kawasan Bintongan sekarang yang terletak di Seberang Paya (sekarang kawasan sawah padi yang telah kering) arah ke utara dari kampung Sungai Layang. Datuk Putih pula telah mudik lagi ke hulu dan membuka petempatan di Lubuk Rusa (Parr C.W.C., dan Mackray W.H., 1910: 8) iaitu kawasan yang sekarang dikenali sebagai Kampung Selemak Hulu.

Pendapat Hervey agak berbeza dengan Parr dan Mackray tentang rombongan itu. Menurut Hervey, rombongan itu diketuai oleh tiga orang Datuk, iaitu Datuk Laut (mengikut Parr dan Mackray Datuk Laut Dalam) dari Paya Kumbuh, Datuk Putih dari Sri Lemak, dan Datuk Inda Putra (Datuk Baginda Putra mengikut Parr dan Mackray) berasal dari Batu Belang. Kawasan-kawasan yang mereka buka adalah sama dengan pendapat Parr dan Mackray, iaitu Sungai Layang, Lubuk Rusan dan Bintongan secara berurutan (Hervey D.F.A., 1884: 254). Datuk-Datuk tersebut, seperti juga pendatang Minangkabau yang telah menetap di sepanjang Sungai Penajis dan Sungai Rembau telah menamakan suku mereka mengikut nama tempat asal mereka di Minangkabau.³⁶

Setelah mendapat tahu tentang kejayaan suku yang empat itu barulah suku-suku yang lain pula datang. Dengan itu semakin ramailah peneroka-peneroka baru dengan suku dan ketuanya masing-masing, sehingga

³⁶ Ada beberapa kemungkinan yang menyebabkan Datuk Lela Belang tidak (atau tidak diizinkan oleh Datuk Leteh) berpindah. Pertama kerana semasa Datuk Lela Belang sampai, Datuk Leteh sedang mencari jodoh untuk Datuk Bungkal, anak angkatnya, yang pada ketika itu agak berumur (lebih kurang 19 tahun). Lihat D. F.A.Hervey. "Rembau" dalam *JSBRAS*, No.13, 1884, hal.251. Kedua mungkin disebabkan statusnya sebagai "Orang bergelar" dan 'sekampung' pula dengan Datuk Leteh.

terdapat 9 dari 12 suku yang ada di Negeri Sembilan itu berasal dari nama-nama daerah di Minangkabau. Mana-mana suku yang awal akan mendapat tempat di kawasan Baruh dan mana-mana suku yang kemudian diberi tempat di kawasan Darat. Dengan itu terdapatlah pentadbiran adat yang dibahagikan kepada baruh dan Darat.

Wujudnya Negeri Sembilan

Dari huraian di atas nampaklah bahawa orang Minangkabau sudah datang ke Semenanjung Tanah Melayu sejak dari awal-awal lagi, bahkan mungkin jauh sebelum berdirinya kerajaan Melayu Melaka. Mereka telah membuka hutan-hutan dan membuat kampung-kampung di sana sini. Sebagaimana di Minangkabau, sebelum suatu petempatan itu menjadi nagari, ia melalui satu proses metamorfosis (Tsuyoshi Kato, T., 1982: 75-78). Proses ini juga berlaku di rantau, sebagaimana yang disebutkan dalam tambo: *Taratak mula dibuek, sudah taratak menjadi kampuang, sudah kampuang menjadi dusun, sudah dusun menjadi koto, sudah koto menjadi nagari.*³⁷ Proses metamorfosis pengwujudan sebuah “nagari” itu memang mengambil masa yang lama. Ini mungkin disebabkan oleh kerana peneroka Minangkabau itu terlalu *mobile* (banyak bergerak).³⁸

³⁷ Sehubungan dengan itu dipercayai terdapat empat suku yang mula-mula datang meneroka ke daerah ini. Mereka ini adalah terdiri dari pengikut-pengikut yang mengiringi Tok Lela Balang dan Tok Laut Dalam iaitu dua orang ketua Minangkabau yang mula-mula datang. Tok Lela Balang diiringi oleh orang-orang dari suku Batu Hampar dan Mungkal, sementara Tok Laut Dalam diiringi pula oleh orang-orang dari suku Paya Kumbuh dan Tiga Nenek. Tiap-tiap suku itu pula mempunyai ketua masing-masing yang kemudiannya dikenali dengan gelaran lembaga.

³⁸ Tempat yang mula-mula diteroka itu dinamakan *taratak* atau teratak ialah suatu petempatan awal yang mungkin terdiri daripada beberapa buah bangsal sementara dan dikelilingi oleh hutan rimba. Pokok-pokok di sekitar bangsal-bangsang tersebut akan ditebang serta semak samun akan ditebas untuk dijadikan petempatan atau ladang, kehidupan pada peringkat ini belum menetap. Ladang-ladang itu melalui masa akan diperluas lagi dan sawah padi akan mula diusahakan. Bangsal-bangsang akan ditukar menjadi rumah yang lebih kekal. Teratak itu kini menjadi lebih kompleks dan didiami oleh orang-orang yang berasal dari pada satu suku. Dengan itu wujudlah petempatan yang dikatakan “kampung”. Kampung di sini membawa maksud petempatan, tetapi oleh sebab penduduknya datang dari suku yang sama, ia sering ditukargantikan atau diidentikkan sebagai “suku”. Selalunya dalam sebuah kampung akan didirikan sebuah balai sebagai tempat berunding dan mendapat kata sepakat (*sakato*) di kalangan ahli sekampung atau sesuku tersebut. Beberapa buah kampung berjiran membentuk sebuah “dusun” pada masa itu selalunya telah terdiri sekurang-kurangnya sebuah “rumah gadang” atau rumah adat di setiap kampung. Gabungan beberapa buah dusun (paling tidak tiga buah kampung/suku) maka wujudlah sebuah “kota”. Apabila penduduk sebuah kota bertambah, ada empat buah suku atau kampung di dalamnya, berkemampuan untuk berkecuali secara sosial serta mempunyai struktur dan organisasi politik yang

Kemudian, terbentuknya “Negeri Sembilan” sebagai sebuah negeri adalah berasaskan kepada gabungan sembilan buah negeri atau kawasan. Perkataan negeri pada nama Negeri Sembilan itu adalah berasal daripada istilah *nagari* dalam bahasa Minangkabau, yang tidak membawa konsep *state* seperti yang difahami sekarang. Apabila di katakan di Semenanjung Tanah Melayu terdapat sembilan buah rantau Minangkabau, yang dimaksudkan adalah sembilan buah petempatan besar yang telah mencapai tahap *nagari*³⁹ dilihat dari segi sistem politik dan Adat Minangkabau. Oleh kerana Negeri Sembilan tidak mempunyai tradisi tulisan sehinggalah kedatangan Barat (Islam), dan tradisi adat Negeri Sembilan pula “melarang” penulisan tentang adatnya (terutama yang “tersirat”), maka apabila penjajah mentranskripsikan istilah *nagari* yang ditulis ialah istilah *negeri* sesuai dengan konsep barat dan negeri-negeri (*state*) Melayu lain di Semenanjung Tanah Melayu. Ini telah menimbulkan kekeliruan di kalangan penulis dan penulisan berikutnya, terutama tentang nama dan lokasi rantau-rantau Minangkabau itu di Semenanjung Tanah Melayu (Ibrahim, Hj. N., 1993: 78).

Bilakah wujudnya kesembilan buah rantau itu, masih belum dapat dipastikan. Beberapa ahli sejarah berpendapat bahawa negeri yang bernama Negeri Sembilan belum wujud lagi dalam jangka waktu *Sejarah Melayu* ditulis, iaitu dalam tempoh 1612-1636 kerana tidak ada rujukan mengenainya. Begitu juga dengan sumber-sumber yang berasaskan tulisan-tulisan orang Portugis pada abad ke-16. Mereka hanya menyebutkan bahawa ramai orang Minangkabau dari Sumatra telah berada di Semenanjung. Semenanjung yang dimaksud tidak lain adalah kebanyakan kawasan-kawasan yang termasuk dalam Negeri Sembilan. Godinho De’Eredia juga tidak menyebut nama Negeri Sembilan dalam petanya yang dilukis dalam tahun 1613, tetapi melaporkan ramai orang Minangkabau yang menetap di Nanning dan berniaga menjual pinang kotai di Melaka (Winstedt. R.O., 1934: 34). Berhampiran dengan Nanning ialah Rembau:

sesuai untuk mengatur dan menyelaraskan kehidupan rakyat, ianya telah dianggap sebagai sebuah replika kosmos. Justeru itu dianggap sebagai sebuah *nagari*. Sebagai sebuah nagari ia harus mempunyai tabuh nagari, pakan nagari, hiasan nagari dan kebesaran nagari. Dalam perbilangan adat disebutkan bahawa setiap nagari itu paling tidak ada empat suku: *Anggari bakarek kuku, dikarek jo pisau Sirau, pangarek batang tuo, nagari bakaampek suku, dalam suku babuah paruik, kampuannng ba nan tuo, rumah batunganai*

³⁹ Seperti yang diuraikan di atas, prioriti atau tujuan utama peneroka itu bukanlah berkampung halaman, tetapi untuk mendapatkan kekayaan. Mereka datang untuk berusaha, dan apabila telah mendapat hasil, mereka akan balik, suatu keadaan yang masih diamalkan hingga ke abad ini. Walau bagaimanapun ada juga di antara mereka yang kekal tinggal di Rembau, tetapi bilangan mereka kecil sahaja. Mereka yang tinggal tetap ini lah yang menjadi ‘pangkalan’ dan ‘tali penghubung’ antara Rembau dengan perantau lain yang bakal

“...head of the Malayo villages in a territory which belongs to the Crown of Johor: Rombo (Rembau) also is peopled by Monancabos”.

Namun, walau bagaimanapun, pada sekirat abad ke-17 (1646) penggunaan sembilan buah negeri (*nagari*) untuk mengenal pasti kelompok rantau Minangkabau itu telah dibuat secara rasmi iaitu melalui perjanjian antara “Kerajaan” Rembau (salah satu daripada rantau Minangkabau) dengan Belanda (T.J. Newbold. T.J., 1934: 265). Menurut Winstedt (1934: 41) dalam Jurnal Belanda *Dagh Register*, yang dicatat sehingga tahun 1682, juga tidak ada menyebut mengenai Negeri Sembilan, tetapi disebutkan bahwa Klang, Sungai Ujong, Naning, Rembau, Jelai, Ulu Pahang, Jelebu, Johol dan Segamat adalah kawasan-kawasan yang didiami oleh orang Minangkabau pada abad ke 17.

Kemudian penulis-penulis awal, seperti Newbold, Lister, Wilkinson, Parr & Mac Kray dan Hervey telah menyebutkan sembilan buah wilayah yang terangkum di bawah Negeri sembilan dalam versi yang berbeza-beza. Menurut Newbold, Negeri Sembilan pada asalnya merangkumi Segamat, Johol, Naning, Sungai Ujong, Jelebu, Rembau, Klang, Ulu Pahang (termasuk Serting dan Jempul), dan Jelai (T.J. Newbold. T.J., 1934: 78-79). Lister menyebutkan nama yang sama kecuali Ulu Pahang, di mana beliau menyebut Pasir Besar (Lister, M. 1887: 36). Wilkinson juga menyebutkan semua wilayah yang sama, kecuali bagi Johol beliau menyebutnya Inas (Wilkinson, R.J. 1971: 290). Parr & Mac Kray bersetuju dengan pendapat Newbold, cuma menyebutkan bahwa Ulu Pahang terletak di selatan Kuala Tembeling (Parr C.W.C. & McKray, 1990: 10). Sementara Hervey bersetuju dengan sembilan daerah yang disebutkan oleh Newbold (Hervey, D.F.A., 1884. 245). Adapun J.E.Nathan & R.O.Winstedt, menyebutkan bahawa Negeri Sembilan itu terdiri dari Sungai Ujong, Jelebu, Rembau, Naning, Klang, Segamat, Pasir Besar (Johol sekarang), Jelai (sekarang Inas) dan Ulu Pahang (kawasan antara Ulu Serting dan Temerloh) (Nathan J.E & Winstedt, R.O., 1929: 394-395). Untuk lebih jelasnya dapat dilihat dalam jadual di halaman berikut.

Setiap rantau ini mungkin didirikan di kawasan-kawasan yang strategik an baik untuk tujuan merantau mereka. Oleh itu berkemungkinan tidak semua petempatan itu berjiranan antara satu sama lain, mungkin jauh dan terpencil, seperti Klang, Hulu Pahang dan Segamat “nampak” terpisah dan terasing serta jauh dari rantau-rantau yang lain, tetapi sebagai orang-orang yang berasal dari tempat yang sama, dan tinggal di tengah-tengah sistem masyarakat yang berbeza, mereka masih berhubungan antara satu kumpulan dengan kumpulan yang lain (Ibrahim Hj. N: 1993: 81-82). Walaupun demikian, setiap rantau mempunyai kuasa autonomi sendiri. Konsep “bersekutu” atau “persekutuan” itu tidak pernah wujud dalam rantau-rantau ini, setidak-tidaknya sebelum abad ke-17 Masihi.⁴⁰

⁴⁰ Proses pembukaan kawasan baru untuk mencapai tahap nagari di Minangkabau melalui lima tahap, iaitu bermula dengan pembukaan *taratak*, kemudian menjadi

Konsep “persekutuan” mungkin wujud sekitar abad ke-17 Masihi, iaitu apabila ada tekanan daripada keadaan politik setempat (antara lain kehadiran penjajah Barat, bertambah kuatnya kekuasaan dan pengaruh Bugis, dan keadaan kucar-kacir dalam politik Kerajaan Melayu Johor). Keadaan ini dan juga keadaan politik di Pulau Sumatera telah mendorong rantau-rantau itu untuk “bersatu” mungkin dengan tujuan mengekalkan identiti keMinangkabauan mereka di samping ingin mengekalkan autonomi masing-masing. Sehubungan dengan itu ramai ahli sejarah menganggap bahwa Negeri Sembilan diwujudkan oleh Raja Melawar apabila baginda ditabalkan sebagai Yamtuan Negeri Sembilan.

Kedatangan Putera Raja Minangkabau

Sebelum daerah atau kawasan itu bernama Negeri Sembilan, pada mulanya pemerintahannya diatur oleh pemerintahan Sultan di Melaka. Kedua negeri ini sudah punya hubungan penting, setidaknya semenjak awal kurun ke-15 iaitu setelah kesultanan Melaka diwujudkan. Kawasan-kawasan yang berdekatan dengan Melaka seperti Sungai Ujong, Klang, Rembau, dan

Nagari-nagari/wilayah yang menjadi Negeri Sembilan sebelum tahun 1773 Masehi, menurut pandangan beberapa orang sarjana (Ibrahim Hj. N: 1993: 80).

Penulis	Rantau								
	1	2	3	4	5	6	7	8	9
Newbold (1839)	Segamat	Johol	Naning	Sungai Ujong	Rembau	Klang	Hulu Pahang	Jelai	<i>Jelebu</i>
Hervey (1884)	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Lister (1887)	-	-	-	-	-	-	Pasir Besar	-	-
Parr dan Mackray (1910)	-	-	-	-	-	-	Hulu Pahang	-	-
Wilkinson (1911)	-	Inas	-	-	-	-	Pasir Besar	-	-
Nathan dan Winstedt (1920)	-	Pasir Besar	-	-	-	-	Hulu Pahang	-	-
Winstedt (1934)	Gunung Pasir	Johol	Jempol	-	-	Tera-chi	Ulu Muar	Inas	-
Samad Idris (1968)	Segamat	-	-	-	-	-	Klang	Kena-boi	-
<i>Khoo Kay Kim</i> (1974)	-	-	-	-	-	-	<i>Hulu Pahang</i>	<i>Jelai</i>	-

Naning bergantung kepada Melaka disebabkan kuasa dan kepentingannya sebagai pusat perdagangan yang terbesar ketika itu. Melaka juga merupakan tempat persinggahan orang-orang Minangkabau yang datang ke Tanah Melayu untuk menetap di Negeri Sembilan. sehingga tersebutlah dalam perbilangan adat Negeri Sembilan ungkapan *berpangkalan di Melaka*.

Kemudian ketika pemerintahan Melaka dikalahkan oleh Portugis (1511) dan berdiri pemerintahan Sultan di Johor, maka kawasan Negeri Sembilan tersebut diperintah oleh Sultan Johor. Dalam sumber Belanda, *Dagh Register*, sebelum terbentuk kerajaan Negeri Sembilan, beberapa buah negeri atau daerah memberikan taat setia kepada kerajaan Johor,⁴¹ sehingga disebut dalam perbilangan *beraja ke Johor*.⁴²

Menjelang pertengahan kedua abad ke-17, penghijrahan semakin meningkat di kalangan orang Minangkabau ke Semenanjung Tanah Melayu, bersamaan dengan naiknya semangat baru di kalangan raja-raja Pagaruyung disebabkan kemenangan VOC menentang Aceh. Dengan bebasnya negeri-negeri di kedua-dua belah pantai barat dan timur Sumatera dari kekuasaan Aceh, pengaruh Pagarruyung terhadap rakyat telah dapat dikembalikan semula. Keadaan ekonomi dan politik Rembau semakin kuat. Sementara Johor semakin lemah karena perang yang berlarut-larut dengan Jambi,⁴³ yang menyebabkan Sultan Johor tidak mampu lagi mengawal dan

kampung, dusun dan koto. Apabila semua syarat-syarat menjadi nagari lengkap dari segi sosial ekonomi dan politik, barulah terbentuk sebuah *nagari*.

⁴¹ Sebagai perbandingan, kita lihat rantau-rantau Minangkabau di Pulau Sumatera. Rantau-rantau yang berhampiran dengan Minangkabau pusat (Luhak Nan Tigo), seperti Sungai Pagu, Bandar Sepuluh, Indrapura, Dua Belas Koto, Sungai Kunyit dan talio, serta rantau Cati Nan Tigo, terletak berhampiran antara satu dengan lain tidak pernah wujud "persekutuan" seperti rantau di Semenanjung Tanah Melayu.

⁴² Di dalam sumber tersebut, kawasan yang sering disebutkan ialah Naning, Rembau, Sungai Penagie (Penajis), Tampin, Sungai Ujong dan Klang. Ketika itu Negeri Sembilan hanya berupa kampung yang diperintah oleh datuk-datuk yang menerima pengakuan dari Yang Dipertuan Sultan Johor, Tampin, Sungai Ujong dan Kelang. Lihat Leonard Y. Andaya, (terj.), *Kerajaan Johor 1641-1728: Pembangunan Ekonomi & Politik*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur, 1987, hal.82-83, 87-88, 146-153.

⁴³ Naning mungkin negeri terawal antara negeri-negeri anggota Negeri Sembilan mengamalkan konsep beraja ke Johor. Kedudukan Naning berhubungan dengan kerajaan Melayu Melaka (sebelum 1511) dan Johor (selepas 1511), berbanding negeri-negeri lain di Negeri Sembilan tradisional adalah unik. Pada zaman kerajaan Melayu Melaka, walaupun nama Naning tidak disebut oleh *Sejarah Melayu* yang dikatakan *magnum opus* pensejarahan Melaka, besar kemungkinan Naning dianggap sebagai bahagian daripada wilayahnya oleh kerajaan Melayu Melaka. Pada tahun-tahun akhir kegemilangan kerajaan Melaka, Naning belum wujud sebagai sebuah *nagari*. Naning hanya bertaraf *dusun* jika mengikut proses metamorphosis petempatan Minangkabau. Oleh kerana keadaan dan kedudukan Naning yang demikian, membuat orang Portugis menganggap Naning secara otomatik menjadi wilayah takluknya setelah menakluki Melaka. Penduduk

mengendalikan keadaan yang sepatutnya di kawasan Negeri Sembilan dan melonggarkan hubungan Johor dengan jajahan takluknya.

Kesempatan ini dimanfaatkan oleh orang Minangkabau di rantau Rembau Sungai Ujong, Kelang dan Nanning untuk melepaskan diri dari pemerintahan Johor. Atas cadangan Datuk Sagah, para penghulu rantau Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu sepakat menghantar wakilnya masing-masing untuk menjemput seorang putera raja dari Minangkabau untuk dirajakan di rantau Semenanjung.⁴⁴ Perlakuan mendaulat raja di rantau Minangkabau itu juga sesuai dengan kehendak sistem pemerintahan adat Alam Minangkabau, sebagaimana disebutkan dalam perbilangan: *Luhak bapanghulu, rantau barajo*.⁴⁵ Maka setelah Yang Dipertuan (Raja

Nanning walaupun berasal dari Sumatera seperti pengamal budaya Melayu lainnya secara tidak langsung memberikan taat setianya kepada Kesultanan Melaka. Apabila Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511, dan berjaya mendirikan kerajaan Johor yang antara tahun 1512 hingga 1564 berpusat di Bintang di Sayung Pinang dan di Johor Lama taat setia orang Nanning, walaupun hanya pada teorinya sahaja beralih pula kepada Johor. Perhubungan antara Nanning dengan Kesultanan Johor yang sedemikian itu, membuat orang Belanda melaporkan pada sekitar tahun 1644, iaitu beberapa tahun selepas mengambil Melaka daripada Portugis, bahawa Nanning telah bernaung di bawah kerajaan Johor atau beraja ke Johor, kemudian juga Rembau. Pada tahun 1540 pembesar-pembesar Rembau yang terdiri daripada orang-orang Minangkabau Sumatera telah menghadap Sultan Aluddin Riayat Shah (1527/28-1564) di Johor Lama. Tujuan mereka ke sana adalah untuk mendapat restu raja Johor melantik penghulu sendiri. Permohonan mereka ini telah diperkenankan. Mungkin kerana itu dan mulai tahun itu Rembau mewujudkan situasi beraja ke Johor. Lihat Norhalim Hj Ibrahim. *Negeri Yang Sembilan, daerah kecil pesaka adat warisan kerajaan berdaulat*. Fajar Bakti Sdn.Bhd. Shah Alam.1995.

⁴⁴ Peperangan ini telah bermula di sekitar tahun 1667 dengan setiap satunya menunjukkan kekuatan laut masing-masing. Lihat Leonard Y. Andaya. *Kerajaan Johor 1641-1728, Pembangunan Ekonomi dan Politik*, (terj. Shamsuddin Jaafar). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. 1987.hal. 120. Perang sengit antara kedua-dua pihak tidak banyak berlaku, dan jarak masa anantara peperangan itu adalah lama, tetapi peperangan sebenarnya untuk menguasai jalan perdagangan merupakan peristiwa yang berlaku setiap hari. Lihat Leonard Y. Andaya. *Kerajaan Johor 1641-1728, Pembangunan Ekonomi dan Politik*, hal.121. Johor adalah sebuah kerajaan samudera. Keunggulannya sebagai kerajaan bergantung kepada perdagangan yang dapat ditariknya ke pantai. Nama baik Johor sebagai pusat perdagangan akan tercemar sekiranya negara-negara yang berdagang dengannya tidak berasa selamat ketika berada di kawasan Johor. Bentuk peperangan yang dihadapi dan dilakukan oleh Johor sekitar tahun berkenaan telah mengganggu perjalanan perdagangan, iaitu faktor penting yang menjadi kekuasaannya. Oleh itu, nadi kehidupan kerajaan Johor dengan berlarutnya perang dengan Jambi ini telah terputus. Akibatnya kerajaan Johor menjadi lemah.

⁴⁵ Empat orang wakil penghulu yang berangkat itu ialah: Datuk Gempa Maharaja, Datuk Merbangsa, Datuk Bangsa Balang dan Datuk Samsura Pahlawan. Mengikut cerita tradisi Rembau, rombongan perwakilan tersebut telah pergi ke Pagar Ruyung melalui Siak. Dari Siak mereka telah mudik ke Pangkalan dan

Alam) merundingkan permintaan itu dengan *Rajo Duo Selo*⁴⁶ serta *Basa Ampek Balai*,⁴⁷ dan mereka sepakat untuk memperkenan permohonan itu.⁴⁸ Sehingga pada akhir bulan Februari 1677, perwakilan tersebut telah memudiki Sungai Penajih menuju Rembau. Mereka telah membawa bersamanya seorang putera Raja Minangkabau yang bernama Raja Ibrahim.⁴⁹

Kedatangan Raja Ibrahim itu tidak sahaja menggelisahkan pihak Belanda di Melaka, tetapi kebimbangan kerajaan Johor lebih ketara lagi kerana pengaruh dan wibawanya ke atas penempatan-penempatan orang Minangkabau merasa terancam.⁵⁰

Ini kerana pada mulanya Raja Ibrahim berjaya mendapatkan sokongan orang-orang Minangkabau di Rembau, Sungai Ujung dan Naning. Namun pada masa yang sama juga seorang pemimpin Minangkabau, di ulu sungai Inderagiri telah menghasut rakyatnya untuk memberontak menentang Belanda. Bagaimanapun perjuangan orang-orang Minangkabau pada dua jurusan ini tidak dapat disatukan, dan Raja Ibrahim terpaksa meluaskan lagi bidang rayuannya. Beliau telah menyeru kepada sesama Islam supaya bersatu menentang Belanda kafir itu, dengan harapan mendapatkan sokongan dari orang-orang Bugis dan Makasar yang tinggal di Kelang. Tetapi Raja Ibrahim kurang mendapat sambutan, sementara itu Sultan Ibrahim (Sultan Johor) telah memberi arahan kepada orang Rembau supaya menamatkan permusuhan terhadap orang Belanda. Kebangkitan

langsung menemui Datuk Mangkudum di Sumanik, dan meminta Datuk itu membawa mereka menghadap Yang Dipertuan di Pagaruyung.

⁴⁶ Pada tahun 1673, Johor lama telah dimusnakan oleh Jambi dan Sultan Abdul Jalil (1623-1677) terpaksa melarikan diri, kemudian menetap di Pahang, dan mangkat pada tahun 1677.

⁴⁷ Raja Dua Sila terdiri daripada Raja Adat dan Raja Ibadat. Kedua-dua raja ini bersama dengan Raja Alam biasanya disebut dengan *Rajo Tigo Selo* (Raja Tiga Sila).

⁴⁸ Pembesar Empat Balai ialah pembesar-pembesar yang membantu pemerintahan Raja Alam. Mereka berkedudukan di empat *nagari*. Keempat-empat mereka itu ialah: *Bandaro di Sungai Tarab, Andomo di Suruaso, Manghudum di Sumanik, dan Tuan Kadi di Padang Gantiang*. Lihat A.A.Navis. *Alam Terkembang Jadi Guru, Adat Dan Kebudayaan Minangkabau*. PT Pustaka Grafitipers, Jakarta., 1986, hal. 57-58.

⁴⁹ *Rajo Tigo Selo* dan *Bada Ampek Balai* bersetuju menghantar seorang putera Raja Minangkabau ke rantau di Semenanjung Semenanjung Tanah Melayu. Selain daripada untuk memenuhi kehendak rakyat rantaunya, yang juga sesuai dengan kehendak adat rantau, adalah untuk meluaskan kewibawaan istana Pagaruyung Minangkabau. Lihat Leonard Y. Andaya. *Kerajaan Johor 1641-1728, Pembangunan Ekonomi dan Politik*, (terj. Shamsuddin Jaafar). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur, 1987, hal. 148-150

⁵⁰ Ini merupakan kali pertama percubaan diadakan untuk mewujudkan sebuah kerajaan Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu.

orang Minangkabau akhirnya tidak berjaya kerana Raja Ibrahim terbunuh pada tahun 1678. Dengan kematian Raja Ibrahim maka rancangan hendak menggabungkan seluruh petempatan orang Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu luput begitu sahaja. Kegelisahan orang Minangkabau pudar buat sementara, dan mereka kembali patuh kepada kerajaan Johor.⁵¹

Pembunuhan Sultan Mahmud (Mangkat Dijulang) pada tahun 1699, yang selanjutnya diikuti dengan pengisytiharan Bendahara Tun Abdul Jalil sebagai sultan pada 3 September 1699 dengan gelar Sultan Abdul Jalil Riayat Syah, tidak juga memberi kesan buruk kepada hubungan di antara kerajaan Johor dengan orang Minangkabau.⁵² Bahkan ketua-ketua Naning, Sungai Ujung dan Rembau, dikaruniai cap mohor oleh Sultan Johor Bendahara Tun Abdul Jalil. Bila orang Bugis mencabar kewibawaan kerajaan Johor pada tahun 1715, orang Minangkabau di Rembau pun menyokong Johor (Andaya, L Y., 1975: 232-233).

Tetapi tiga tahun kemudian suasana politik Johor berubah sekali lagi, dengan kedatangan Raja Kecil merampas kerajaan Johor. Dalam keadaan huru hara, kawalan Johor ke atas jajahan takluknya sekali lagi menjadi longgar⁵³ Untuk itu pada tahun 1721, beberapa "Orang Besar" telah berlepas ke Minangkabau⁵⁴ sekali lagi untuk menjemput Putra Raja yang akan

⁵¹Pada masa-masa yang lalu, Rembau dan Sungai Ujung merupakan satu kawasan yang tunduk kepada kedaulatan Johor, tetapi dengan kemunculan Raja Ibrahim kedua-dua kawasan tersebut memindahkan taat setianya daripada Johor kepada pemerintah yang datang dari Sumatera itu. Lihat Leonard Y. Andaya. *Kerajaan Johor 1641-1728, Pembangunan Ekonomi dan Politik*, (terj. Shamsuddin Jaafar). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1987,hal.147. Kebangkitan orang-orang Rembau, Naning dan Sungai Ujung dibawah pimpinan Raja Ibrahim ini, merupakan kebangkitan pertama daripada siri pemberontakan yang akan mengancam kewibawaan kerajaan Johor.

⁵² Hanya pada akhir kurun ke-18 barulah usaha menggabungkan orang-orang Minangkabau itu mencapai

kejayaan. Lihat Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, Macmillan Publishers, Sdn.Bhd, Kuala Lumpur, 1983,hal.81-82

⁵³ Beberapa suku Minangkabau memang disebutkan dalam dokumen-dokumen Belanda, misalnya Tiga Batu, Sri Melenggang, Batu Hampar, Mungkal dan Payakumbuh . Lihat R.O. Winstedt. " Negeri Sembilan: The History, Polity & Beliefs of The Nine States". *JMBRAS*,Vol.XII, Part III Oct.1934, hal.55-16

⁵⁴ Pada tahun 1719 ada tiga pusat kuasa dalam negeri Johor: Terengganu, di mana Sultan /Bendahara Abdul Jalil berada setelah berundur dari Sungai Johor, *Siak* yang menjadi markas Raja Kecil, walaupun beliau telah menuntut diri sendiri sebagai Sultan Johor, dan *Selangor-Linggi* di mana orang Bugis telah menetap. Lihat Leonard Y. Andaya. *The Kingdom of Johor, 1641-1728, Economical and Political Developments*.Oxford University Press, Kuala Lumpur. 1975. hal. 285. Sebenarnya kejayaan Raja Kecil ke atas Johor menjadikan kedudukan orang Minangkabau lebih tinggi di dunia Melayu. Pihak Belanda ketika itu juga lebih menghormati orang Minangkabau. Hal ini juga menandakan kemunculan orang Minangkabau sebagai suatu tenaga politik yang penting

dirajakan di Negeri Sembilan. Permintaan mereka diperkenankan oleh Yang Dipertuan Raja Alam Pagaruyung pada ketika itu, mungkin Yang Dipertuan Patah Sultan Abdul Jalil (1719-80), dengan mengutus seorang Putra Raja untuk melindungi rantau Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu, yang bernama "Raja Kasah atau mungkin juga Raja Melawar".⁵⁵

Para penulis sejarah Negeri Sembilan khususnya Rembau seperti Norhalim Hj. Ibrahim (1995: 150) telah menyarankan dua nama, iaitu Raja Kasah dan Raja Melawar sebagai putra Minangkabau yang hadir di Rembau pada sekitar tahun 1721-1722. Namun menurut Wilkinson (1911: 19) Raja Kasah yang mencatatkan semula (terjemahan Inggrisnya) cerita lisan yang diberikan oleh Datuk Kelana Sungai Ujung, Datuk Maamur bin Kassim (1889-1945), telah 'dihantar' oleh (*sent by*) Raja Alam Minangkabau ke Rembau Negeri Sembilan. Kedatangan Raja Kasa ini 'disambut' (*received*) oleh penghulu yang empat.⁵⁶ Beliau datang untuk tujuan memperkenalkan (*introduction*) Undang-undang Minangkabau, seperti yang dikehendaki oleh para penghulu tersebut. Namun oleh kerana Raja Kasah tidak mampu menunaikan kehendak keempat-empat penghulu itu, beliau dihantar balik ke Minangkabau. Wilkinson dan kemudian Winstedt (1934) tidak menyebutkannya, tetapi kemudian sependapat dengan Wilkinson mengaitkan Raja Kasah ini dengan laporan Belanda yang menyatakan

dalam arena politik di Selat Melaka. Namun demikian, oleh kerana Raja Kecil bukalah keturunan Raja Pagayung sejati, walaupun dia dibesarkan di Minangkabau, keinginan untuk mendatangkan pemimpin sendiri bagi orang Minangkabau di Semenanjung masih belum pudar.

⁵⁵ Mereka yang pergi itu adalah Datuk Johan, Datuk Andatar, Datuk laksamana, Datuk Panglima Sutan dan Datuk Panglima Raja. Lihat Martin Lister, "The Negri Sembilan, Their Origin and Constitution", dalam *JSBRAS*, Vol. XIV. 1887. hal.41

⁵⁶ Nama anak Raja yang datang ini juga dipertikaikan oleh para penulis dan pengkaji sejarah. Begbie, semasa menyatakan tentang kehadiran seorang anak Raja Minangkabau itu, tidak pula menyebutkan tentang namanya. Wilkinson (1911:19) menyarankan putera itu mungkin bernama Raja Kasah, dan kenyataannya ini dipersetujui oleh Winstedt (1934:59). Sedangkan Andaya (1987:412) yang banyak sekali menggunakan bahan bertulis Belanda, mengatakan tentang kehadiran putera Raja ini dan menyebutkan namanya adalah Raja Melawar. Pendapat Andaya ini dipersetujui oleh Khoo Kay Kim (1990:5). Menurut Andaya, pada tahun 1721 orang Bugis mencabar kewibawaan Raja Kecil, dan dapat menguasai kerajaan Johor. Tetapi persaingan antara Raja Kecil dengan orang Bugis belumlah selesai, Raja Kecil mencuba lagi, sehingga berlaku pertempuran kedua belah pihak antara tahun 1722-1727. Pada peringkat ini Raja Kecil mencuba mendapat sokongan dari orang Minangkabau yang ada di Semenanjung. Sumber Belanda menunjukkan bahawa Raja Rembau pada waktu itu adalah Raja Melawar. Tetapi Raja Melawar tidak mahu menyokong Raja Kecil, kerana menurut sumber Belanda, Raja Kecil menghantar raja Khatib untuk menggulingkan Raja Melawar sebagai Raja Rembau. Mula-mula Raja Khatib berjaya, tetapi ketika serangan balas dari Raja Melawar, Raja Khatib tewas pada tahun 1728.

bahawa dalam tahun 1722 telah hadir seorang putra raja Minangkabau di Rembau untuk mengepalai rakyat mereka menentang Bugis. Kedua-dua orang ahli sejarah ini tidak pula menyatakan bila Raja Kasah dikirim balik ke Minangkabau. Tetapi mungkin itu berlaku pada tahun yang sama iaitu 1722 (Ibrahim, Hj, N, 1995: 150).

Andaya memberikan interpretasi yang lebih jelas, iaitu Raja Kasah ataupun Raja Melawar telah dijemput dan dikirim atas tujuan kerana rakyat Rembau atau rakyat Minangkabau memerlukan perlindungan daripada orang Bugis, dan mungkin juga daripada Raja Kecil (sebagai Sultan Johor-Siak) sendiri. Jika dilihat dari tujuan atau sebab anak Raja itu dijemput dan dikirim, serta dikukuhkan pula dengan sumber Belanda, jelaslah bahawa beliau adalah Raja Melawar. Dengan hadirnya Raja Melawar di Rembau sebagai raja dan juga pelindung kepada rantau Minangkabau yang lain di semenanjung Tanah Melayu, bermakna penguasaan Raja Kecil terhadap kawasan tersebut sudah tiada.

Ketika Raja Kecil dihalau keluar oleh tentera Bugis dan Johor pada tahun 1722, ia ingin mendapat bantuan dari orang Rembau, tetapi ia merasa tidak mungkin mendapatkan sokongan dari Raja Melawar. Untuk itu Raja Kecil telah mengirim Raja Khatib ke Rembau pada tahun 1723 untuk menggulingkan Raja Melawar (Andaya, L Y, 1987: 412) dan menjadikan dirinya Raja Rembau. Dengan bantuan Penghulu Naam (penghulu Muar), dan pembesar-pembesar lain di Muar, serta diiringi oleh para pengikutnya yang datang dari Siak, Raja Khatib berjaya mengadakan satu angkatan perang. Pertempuran antara pasukan Raja Khatib dengan Raja Melawar berlaku di Kampung Bukit. Raja Khatib berjaya telah mengalahkan pihak Raja Melawar, dan beliau berundur dan mendapat perlindungan di Sepri (Khoo Kay Kim, dalam Norazit Selat, *ed.*, 1990: 5). Setelah berjaya menggulingkan Raja Rembau, Raja Khatib balik ke Sri Menanti

Setelah keadaan tenang, Raja Melawar menghimpun semula pasukannya, dan menyerang balas Raja Khatib ke Sri Menanti. Dalam peperangan itu Raja Khatib menerima kekalahan, dan Datuk Naam sendiri pun terbunuh.⁵⁷ Kemudian pada 15 Februari 1728 pihak Belanda menghantar Raja Khatib kembali ke Siak.⁵⁸ Kemunculan Raja Melawar dalam laporan Belanda pada tahun 1727-1728 sangat penting dalam sejarah Negeri Sembilan. Setakat ini menurut sumber-sumber tempatan yang rasmi, Raja Melawar telah dilantik sebagai Yang Dipertuan Besar negeri Sembilan

⁵⁷ Winstedt (1934:59) mungkin menggunakan sumber Wilkinson, menyatakan bahawa Raja Kasah dipanggil oleh para penghulu Sungai Ujong, Johol, Naning, dan Jelebu.

⁵⁸ Raja Khatib berjaya melepaskan diri dan mencari perlindungan di Naning, iaitu wilayah yang bakal diserangnya seandainya Raja melawar tidak menyerangnya terlebih dahulu.

pada tahun 1773.⁵⁹ Tahun yang dianggap sebagai tahun permulaan kerajaan Negeri Sembilan. Sumber Belanda telah membuktikan bahawa Raja Melawar telah ada di Semenanjung Tanah Melayu pada tahun 1727, besar kemungkinan lebih awal dari pada itu, kerana Raja Khatib dihantar pada tahun itu untuk menggulingkan Raja Melawar yang memang sudah ditetapkan menjadi Raja Rembau (Khoo Kay Kim, dalam Norazit Selat, *ed.*, 1990: 5).

Dengan terbuktinya kehadiran Raja Melawar di awal tahun 1720-an sebagai raja, bermakna struktur dan organisasi sosial politik Rembau dan Negeri sembilan menjadi lengkap. Lengkap dari segi tuntutan keperluan sistem politik bagi sebuah rantau Minangkabau (*luak berpenghulu, rantau beraja*) dan juga daripada keperluan sosial Adat Perpatih (Ibrahim, Hj, N, 1993). Dua orang lagi putera raja yang dijemput dari Minangkabau setelah Raja Melawar adalah Raja Hitam dan Raja Lenggang. Sejak tahun 1824 tidak ada lagi kebiasaan untuk menjemput putra raja dari Pagaruyung, kerana sejak itu, masa putra raja tempatanlah yang dirajakan. Sehingga tersebutlah dalam perbilangan adat Negeri Sembilan: *Bertuan ke Minangkabau*⁶⁰.

⁵⁹ Pihak Belanda tidak mahu Rembau dan juga Bugis menuduhnya sebagai pemberi perlindungan kepada musuh mereka, dan mungkin akan membawa persengketaan. Oleh itu Belanda mengirim Raja Khatib kembali ke Siak. Oleh kerana ketika itu Raja Kecil sedang mengepalai suatu angkatan serang ke atas Riau, maka Raja Khatib telah diserahkan kepada Syahbandar Siak. Lihat Leonard Y. Andaya. *Kerajaan Johor 1641-1728, Pembangunan Ekonomi dan Politik*, (terj. Shamsuddin Jaafar). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. 1987.hal. 412-413. Khoo Kay Kim. "Negeri Sembilan, Sejarah awal dan Politiknya" dalam Norazit Selat (ed.). *Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang*. Persatuan Muzium Malaysi, Kuala Lumpur,1990,hal.5.

⁶⁰ Berdasarkan sumber-sumber tempatan yang resmi, tahun 1773 adalah tahun permulaan Kerajaan Negeri Sembilan, dan Minangkabau sebagai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan . Sementara itu sumber Belanda melaporkan Raja Melawar (dikenali sebagai Raja Rembau) telah ada di Rembau pada tahun 1727-1728, besar kemungkinan lebih awal lagi, kerana Raja Khatib dihantar pada tahun itu untuk menggulingkan Raja Melawar yang memang sudah ditetapkan sebagai Raja Rembau. Memang ada sedikit keaburan tentang sejarah Negeri Sembilan. Tetapi ada dokumen-dokumen yang telah dijumpai belakangan ini dapat membantu sejarawan mengemas sedikit banyaknya tentang sejarah awal kerajan Negeri sembilan. Di antara dokumen yang terbaru itu ada satu yang dapat membantu untuk menentukan dengan lebih tepat bila Raja Melawar mula memerintah di Negeri sembilan. Pada tahun 1925, Yang Dipertuan Besar Muhammad (yang telah menggantikan ayahandanya, Yamtuan Besar Antah, pada tahun 1887), telah menghubungi Pejabat Colonial di London, menuntut hak untuk menggunakan gelar "Sultan". Dalam suratnya kepada setiausaha Tanah Jajahan. (L.S. Amery), Yam Tuan Besar Muhammad mengatakan bahwa sejak zaman Raja Melawar lagi, hanya satu cap sahaja yang pernah digunakan oleh pemerintah-pemerintah Negeri Sembilan. Menurut Yam Tuan besar Muhammad, Raja Melawar mula memerintah pada tahun Hijrah 1111 (1700.T.M.), dan baginda telah ditabalkan dengan gelaran "Sultan Mahmud Syah ibni Al-Sultan Abdul Jalil Muadzam Shah". Penggantinya ialah Yam Tuan Besar Hitam, Yam Tuan Besar yang ketiga ialah Raja Lenggang,

Kesimpulan

Dari huraian di atas dapat disimpulkan bahawa di Semenanjung Tanah Melayu khasnya Negeri Sembilan pernah terdapat sembilan buah rantau Minangkabau, walaupun tidak kesemuanya kekal atau sama jumlahnya hingga ke hari ini. Bahkan ketika pertabalan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada tahun 1898, perwakilan yang hadir adalah bagi mewakili luak-luak Sungai Ujong, Jelebu, Johol, Rembau, Tampin, muar, Terachi, Jempol, Gunong Pasir, Inas, Gemencheh dan Linggi, menjadikan dua belas luak semuanya. Jika seri Menanti diambil luak, semuanya menjadi tiga belas buah (Jong, P.J. 1952: 148).

Terbentuknya kerajaan Negeri Sembilan adalah melalui suatu proses yang panjang. Sejak dari awal kedatangan perantau Minangkabau hingga berdirinya kerajaan Negeri Sembilan, ia memakan masa lebih kurang enam abad. Keseluruhan proses merantau itu mengalami beberapa tahap yang berjalan secara perlahan sehingga kini.

DAFTAR PUSTAKA

- Abas, Hj. A. (1953). *Rembau, Sejarah Perkembangan Adat dan Istiadatnya*. Jabatan Undang dan Perlembagaan Adat dan Istiadat Melayu Rembau, Rembau.
- Bijdragen Tot de Taal-, Land-, en Volkenkunde* (BKI), No. 131 (1975). "The Dynastic Myth of Negeri Sembilan (Malaya)". *Bijdragen Tot de Taal-, Land-, en volkenkunde*. No. 113 (1960) " Islam Versus Adat in Negeri Sembilan (Malaya)", Cave, J. 1989). *Naning in Melaka*, Kuala Lumpur: Malaysian Branch Royal Asiatic Society.
- Effendy T dan Effendy, N. (1972). *Lintasan Sejarah Kerajaan Siak Sri Indrapura*, Badan Pembina Kesenian Daerah Propinsi Riau, Pekanbaru. *Encyclopaedie Van Nederlandsch Oost Indie*. 1918.

keempat, Raja Ali (dalam suarat asal disebut 'suati'), kelima Raja Radin dan keenam, Raja Imam (dalam surat asal disebut 'Min'). Colonial Office Siri 717/47, Frank Swettenham kpd. C.O., 18 September 1925, lampiran: Ruler of N.S. kpd.L.S.Amery, 3 August 1925. Istilah bertuan dalam perbilangan ini adalah ringkasan istilah Yamtuan. Kata Yamtuan itu dalam bahasa baku adalah Yang Dipertuan, yang dalam konteks sistem politik Adat Perpatih orang yang dijadikan 'orang yang berpangkat atau orang yang dihormati. Kedua-dua kependekan ini (bertuan dan Yamtuan) terjadi kerana perbilangan itu adalah sastera budaya lisan. Bertuan ke Minangkabau itu bermaksud, tempat untuk mendapatkan orang yang patut dihormati itu adalah di Minangkabau. Kamus Dewan edisi ketiga (1994:1476), Norhalim Haji Ibrahim, 1997:101). Selain itu, menurut Batua dan Tanameh, (tt: 38-39) Rembau adalah salah sebuah rantau Minangkabau, sebagai rantau, seperti juga rantau-rantau lainnya, Rembau adalah 'bertuankan' atau 'kepunyaan' Daulat Raja Pagaruyung dan sumber kewangan untuk perbelanjaan Yang Dipertuankan Minangkabau adalah hasil dari rantau.

RAHILAH OMAR DAN NELMAWARNI,
Negeri Sembilan: Rantau Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu

- Favre P.E.L. (1884). "An Account of the Wild Tribes inhabiting the Malayan Peninsula. Dalam *JIAEA*, 1884.
- Hakimi, I. (2002). "Adat Alam Minangkabau", dalam Abdullatif Abu Bakar, *Adat Melayu Serumpun*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hall, D.G.E. (1971). *Sejarah Asia Tenggara*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Hamka, (1985). *Islam dan Adat Minangkabau*, Penerbit Pustaka Panjimas, Jakarta, 1985.
- Hervey, D.F.A. (1884). Rembau, dalam *JSBRAS*, Vol.XIII.
- Ibrahim. N. Hj. (1995). *Negeri Yang Sembilan: Daerah Kecil Pesaka Adat Warisan Kerajaan Berdaulat*. Fajar Bakti Sdn.Bhd. Shah Alam.
- Ibrahim, N. Hj. (1993). Penerokaan Orang Minangkabau di Luak Rembau. Dalam *Budaya Negeri*. Vol.X.
- Ibrahim. N. Hj. (1995). *Negeri Yang Sembilan, Daerah Kecil Pasaka Adat Warisan kerajaan Berdaulat*, Shah Alam: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Idris, A.S. (1970). *Hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan dari Segi Sejarah dan Kebudayaan*, Seremban.
- Jong, J.D. (1960). *Minangkabau and Negeri Sembilan, Socio-Political Srukture Indonesia*. Jakarta: Bhratara.
- Jong, J.P.E. (1952). *Minangkabau and Negeri Sembilan: Socio-Political Structure in Indonesia*. The Hague, Nijhoff.
- Jong, J.P..E. (1988). *Minangkabau and Negeri Sembilan: Socio-Political Structure in Indonesia*, Martinus Nijhoff-S-Gravenhage.
- Kato, T. (1989) *Nasab Ibu dan Merantau Tradisi Minangkabau yang Berterusan di Indonesia*. Terj. Azizah Kassim, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Kim, Kh. K. (1990). "Negeri Sembilan Sejarah Awal dan Sistem Politiknya". Dalam Norazit Selat (ed). *Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Kim, Kh.K. (1994). "Adat dan Perkembangan Politik: Pembangunan Masyarakat Negeri Sembilan". Dalam Samad Idris, A., Norhalim Hj Ibrahim, dll, (ed) *Adat Merentas Zaman* Seremban: Jawatan Kuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan.
- Lister, M. (1887). The Negeri Sembilan, Their Origin and Constitution, dalam *JSBRAS*, 1887.Vol.XIV.
- Loeb. E.M.(1972). *Sumatra: Its History and People*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Luzac and Co. (1906). *A.History of the Peninsular Malays*. Singapore. 1923. "The Malacca Sultanate". *JMBRAS*. Vol. XIII Pt.2.
- Manggis, R., Penghoeloe, M.D.R (1971). *Minangkabau, Sejarah Ringkas dan Adatnya*, Sri Dharma, Padang.
- Mansoer, M.D. Dkk. (1970). *Sejarah Minangkabau*, Bhratara, Jakarta.
- Marsden, W. (1966). *The History of Sumatra*, Oxford University Press, Kuala Lumpur.
- Newbold dalam J.M. .Moors (ed.) (1934). "Sketch of the Four Menangkabowe States in the Interior of the Malayan Peninsula".
- Naim, M. (1979). *Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau*, Gadjah Mada University Press, Yogyakarta.
- Nathan J.E.& Winstedt, R.O. (1929). Johol, Inas, Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir dan Terachi: Their History and Constitution 1929, dalam *Papers on Malay Subjects*.
- Navis, A.A. (1986). *Alam Terkembang Jadi Guru, Adat dan Kebudayaan Minangkabau*, PT Pustaka Grafitipers, Jakarta.

- Newbold, T.J. (1971). *British Settlement in the Straits of Malacca*. Vol.2. Oxford University Press. London.
- Oo Jin-Bee. (1970). *Peninsular Malaysia*. Hong Kong.
- Oo, Jin-Bee. (1976) *Peninsular Malaysia*. Hong Kong.
- Parr, C.W.C. and Mackray, W.H. (1910). Rembau One of the Nine States: Its History, Constitution and Customs, dalam *Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society*, Vol.56.
- Parr C.W.C.dan Mackray. W.H. "Rembau, One the Nine States: Its History, Constitution and Customs" dalam *JSBRAS*. 56. 1910.hal.1-57
- Schnitger, F.M, (1939) *Forgotten Kingdoms in Sumatra*, E.J.Brill, Leiden.
- Szekeley-Lulofs, M.H. (1954). *Tjoet Nja Din: Riwayat Hidup Seorang Puteri Atjeh*. Terj. Abdul Moeis. Chailan Sjamsoe, Djakarta.
- Umar, T.A. (1978). *Hukum dan Lembaga-lembaga Hukum Adat Daerah Sumatera Barat*, Universitas Andalas, Padang.
- Volkstelling*.1930.
- Winstedt. R.O. "Negeri Sembilan: The History, Polity, and Beliefs on the Nine State" *JMBRAS*, vol.xii.pt.3.
- Wolters. W.O. (1970). *The Fall of Srivijaya in Malay History*. Cornell University Press. Ithaca.
- Wilkinson, R.J. (1971) "Sungai Ujong". *JSBRAS*. No.83, April 1921, *Papers on Malay Subjects*, Kuala Lumpur, Oxford University Press.

RAHILAH OMAR DAN NELMAWARNI,
Negeri Sembilan: Rantau Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu